


Jilid I
Bil. 29



Hari Rabu
21hb Julai, 1971

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA
First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 3389]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1971 [Ruangan 3417]

Jawatan-kuasa—

Kepala² 100 hingga 102 [Ruangan 3421]

Kepala 103 [Ruangan 3421]

Kepala 104 [Ruangan 3435]

Kepala² 105 hingga 111 [Ruangan 3443]

Kepala² 112 hingga 115 [Ruangan 3452]

Kepala 116 [Ruangan 3470]

1. *Pharmaceutical industry*—The pharmaceutical industry is the largest of the three industries, with sales of \$10.5 billion in 1990. It is the only industry in the sample that has a significant number of firms with sales exceeding \$1 billion. The industry is characterized by a high degree of concentration, with the top 10 firms accounting for 40% of total sales. The industry is also characterized by a high degree of innovation, with a large number of new drugs being developed each year.

1. *Phragmites* spp.

AY 7-2009/13

MALAYSIA
DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi
PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 21hb Julai, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, Yang Berbahagia TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Masharakat, Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri **Pembangunan** Negara dan Luar Bandar, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.J.K. (Hilir Perak).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (LIMBANG-LAWAS).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).

Yang Berhormat TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

„ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

„ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).

„ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).

„ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

„ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

„ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).

„ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).

„ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).

„ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).

„ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).

„ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).

„ TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ TUAN CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).

„ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).

„ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).

„ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).

„ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).

„ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).

„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGlima ABDULLAH (Darvel).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

„ DATO' ENGKU MUHSEIN BIN ENGKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
(Trengganu Tengah).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Pasir Mas Hilir).

Yang Berhormat TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., P.I.S. (Muar Dalam).

Yang Berhormat TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).

„ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).

„ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).

„ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).

„ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).

„ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).

„ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).

„ TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).

„ DR A. SOORIAN (Port Dickson).

„ TUAN SU LIANG YU (Bruas).

„ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

„ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

„ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).

„ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).

„ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).

„ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).

„ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).

„ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).

„ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).

„ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

„ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).

„ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).

„ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).

„ TUAN V. VEERAPPAN (Seberang Selatan).

„ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

„ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).

„ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

„ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADHIR:

- Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TAN SRI KHAW KAI-BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).

Yang Berbahagia TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK (Kota Belud).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADHIR BERSAMA:

- „ Menteri Dengan Tugas² Khas dan Penerangan, Yang Berbahagia TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI
PERTANYAAN²KEMALANGAN PERUSAHAAN DAN
BAYARAN PAMPASAN

1. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan:

- (a) jumlah orang mati di-sebabkan oleh kemalangan perusahaan dalam tahun 1964 hingga bulan Mei tahun 1971 di-Malaysia mengikut bangsa; dan

- (b) jumlah wang yang telah di-bayar sa-
bagai pampasan bagi si-mati itu.

Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Januari, 1964 sahingga April, 1971:

- (i) Bilangan kes² kemalangan perusahaan bagi pekerja² dalam Malaysia Timor ia-lah 1,106
- (ii) Jumlah bayaran pampasan ia-lah sa-banyak \$5,927,539

Pada tempoh yang sama angka² bagi negeri Sabah ia-lah 418 kes² kematian dan bayaran pampasan sa-banyak \$1,319,176.

Bagi negeri Sarawak dalam tempoh Januari, 1968 sa-hingga April 1971:

- | | |
|--|-----------|
| (i) Bilangan kes ² kematian ia-lah | 188 |
| (ii) Jumlah bayaran pampasan ia-lah sa-banyak | \$857,935 |

Malumat bagi tempoh sa-belum 1968 tidak dapat di-perolehi di-sebabkan oleh Ordinan Pampasan Orang-kerja di-tadbirkan dengan tidak mengira suku kaum maka angka² mengikut suku kaum tidak-lah boleh di-dapati.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Yang Berhormat Menteri itu sedar ia-itu ganti-rugi yang di-bayar di-bawah Ordinan Pampasan Pekerja², 1952 untuk pekerja² yang meninggal dunia akibat kemalangan perindustrian itu ada-lah bukan sahaja sangat rendah jika di-bandingkan dengan ganti-rugi di-bawah Common Law, bahkan sa-mata² tidak menchukopi? Mithal-nya di-bawah Undang² itu, jika sa-orang pekerja kayu balak mati di-timpai pokok kayu di-hutan, balu-nya dan anak²-nya, walau bagaimana ramai-nya akan dapat ganti-rugi tidak lebeh daripada \$7,200 sahaja. Maka jika Yang Berhormat Menteri itu sedar akan keadaan ini—yang tidak adil, sedia-kah beliau mengkajikan perkara ini dan barangkali shor² dapat di-buat kepada Jabatan Yang Berhormat Peguam Negara supaya Ordinan yang tersebut itu di-pinda untuk meningkatkan kadar ganti-rugi yang begitu rendah pada masa sekarang?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu saya telah jawab dalam Dewan ini beberapa hari dahulu dan dalam jawapan-nya saya telah pun menyatakan Kerajaan sedang menjalankan satu rancangan pilot, ia-itu Social Security Scheme dan rancangan pilot ini di-jalankan terlebih dahulu di-Johor Bahru, lepas itu di-sambungkan ka-bandar² lain.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Yang Berhormat Menteri itu sedar bahawa walau pun ganti-rugi yang rendah itu di-perintah oleh Pesuruhjaya Buroh untuk di-bayar dalam sa-suatu kemalangan maut perindustrian itu kerap-kali sa-tengah² majikan yang tidak bertanggung-jawab enggan membayar ganti-rugi, yang mana di-perlukan oleh Ordinan Pampasan Pekerja, 1952 itu dan Pesuruhjaya

Buroh pun tidak berkuasa memaksa majikan itu membuat bayaran yang di-perentahkan di-sisi Undang²?

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan sahaja satu masalah Undang² Masharakat bahkan satu masalah yang menyentoh pada soal peri kemanusiaan dan Ordinan itu di-gubal hampir 20 tahun dahulu, yang mana bertitilah majikan² yang tidak bertanggung-jawab itu mungkin di-biar bermaharaja-lela begitu lama sudah. Oleh yang demikian, jika Yang Berhormat Menteri itu sedar akan hal ini, sedia-kah beliau menimbang buat shor² kepada pihak yang berkenaan supaya Undang² di-susun segera untuk memaksa majikan² itu menunaikan kewajipan-nya di-bawah undang²?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi dan soalan ini saya telah menjawab di-Dewan ini beberapa hari dahulu dan saya menjemput Ahli Yang Berhormat itu membaca jawapan saya sa-belum membuat soalan tambahan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, adakah angka² yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat itu tadi termasuk pekerja² yang menimpa kemalangan di-sharikat² menchari minyak di-dasar lautan Malaysia?

Tuan Lee San Choon: Ada, Tuan Yang di-Pertua.

PERMIT² KERJA KAPADA BUKAN WARGANEGARA

2. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan jumlah Permit² Kerja yang di-keuarkan semenjak tahun 1969 hingga hari ini kapada bukan warganegara yang layak dan berapa-kah yang telah di-perbaharui dalam tahun² 1970 dan 1971 dan juga berapa di-antara-nya ditolak dan apa sebab²-nya.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, sa-hingga 15-5-71 angka² berkenaan ia-lah saperti berikut:

- | | |
|--|---------|
| (a) Permit ² kerja yang di-keuarkan | 142,766 |
| (b) Permit ² Kerja— | |
| (i) Di-baharui dalam tahun ² 1971 dan 1972 | 48,634 |
| (ii) Tidak di-baharui hingga hari ini | 63,345 |

63,345 Permit Kerja tidak di-baharui ini termasuk-lah mereka yang memegang Permit Kerja yang telah mendapat kewarganegaraan atau meninggalkan pekerjaan atau telah bekerja sendiri. Permit² tertentu telah ditolak kerana pemegang²-nya tidak berhak mendapat kewarganegaraan dan kerja mereka dengan senang-nya boleh di-ganti oleh warganegara².

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Permit² kerja yang di-beri ini, suka saya mendapat tahu dalam bidang apa-kah dan apa-kah keistimewaan-nya yang menjadikan Kementerian yang berkenaan mengurniakan permit yang tersebut?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, supaya saya boleh memberi satu gambaran yang benar dan betul, saya minta notis untuk soalan itu.

PENGIMPOT BERAS—BILANGAN

3. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan:

- jumlah bilangan pengimpot² beras di-Malaysia;
- ia-itu oleh sebab beras ia-lah makanan utama orang² di-Malaysia, sama ada mengimpot beras di-pegang oleh Kerajaan dan tidak dengan sa-chara persaorangan supaya ra'ayat tidak di-tipu oleh orang² tengah mengenai harga beras;
- sama ada benar ia-itu tidak beberapa tahun dahulu, pengimpotan beras sa-chara besar²an di-monopoli oleh satu atau dua orang sahaja;
- berapa banyak beras yang di-impot oleh Malaysia di-dalam satu tahun;
- berapa banyak beras yang di-keluarkan oleh negara ini di-dalam satu tahun; dan
- bila, di-bawah projek menanam dua kali sa-tahun Malaysia boleh mengekspot beras.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ia-lah:

(a) 157.

(b) Kerajaan sedar bahawa beras ia-lah makanan utama orang² Malaysia. Oleh itu Kerajaan mengadakan simpanan

beras (stockpile) untuk masa kekeemasan seperti banjir, kemarau, peperangan dan sa-bagai-nya. Tetapi Kerajaan tidak-lah mengambil bahagian yang chergas atau memonopoli dalam mengimpot beras daripada luar negeri sa-bagai peniaga beras biasa. Sunggoh pun begitu Kerajaan pernah mengimpot beras daripada luar negeri kira-nya di-dapati bahawa simpanan beras (stockpile) Kerajaan yang boleh di-dapati daripada puncha² tempatan tidak menchukupi.

- Kenyataan ini tidak benar sama sekali. Sa-bagaimana saya nyatakan pasaran beras dalam negeri ini ada-lah di-jalankan oleh 157 buah sharikat² pengimpot yang besar.
- Oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu tidak menentukan tempoh berapa tahun banyak beras yang di-impot, saya mengambil peluang menerangkan angka bagi tempoh 5 tahun. Jumlah impot beras bagi tempoh 5 tahun ia-lah:

<i>Tahun</i>	<i>Banyak-nya</i>
1967	295,916 tan
1968	240,492 ..
1969	226,955 ..
1970	267,474 ..
1971-Mei 1971 ...	34,781 ..

Untuk maalamat tambahan bagi Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1970 jumlah beras yang di-impot bertambah ia-lah di-sebabkan negara pada masa itu sedang di-pulehkan keadaan-nya sa-lepas kejadian rusohan pada 13hb Mei, 1969.

- Jumlah beras yang di-keluarkan oleh Malaysia Barat bagi tahun 1970 ia-lah 914,550 tan dan bagi tahun 1969 ia-lah 866,840 tan.
- Malaysia Barat di-jangka akan chukop beras untuk penggunaan sendiri dalam tahun 1973 atau 1974 apabila ranchangan² taliayer besar seperti Muda, Kemubu, Besut dan lain² siap dan digunakan sa-penoh-nya oleh petani². Sa-lepas tahun 1974, ada-lah di-jangka pengeluaran beras akan berlebehan di-Malaysia Barat.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Daripada 157 pengimpot² beras di-Malaysia ini, berapa ramai-kah pengimpot² beras . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ini bahagian mana? (a)-kah, (b)-kah, (c)-kah?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: (a). Berapa ramai-kah pengimpot² daripada bumiputra?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kalau di-minta serta merta ta' dapatlah saya hendak menghetongkan sebab banyak-nya pengimpot 157, dan jadual-nya pun ada di-hadapan saya. Chuma saya dapat nyatakan melalui tiap² negeri berapa², itu sahaja.

Dr A. Soorian: (*Dengan izin*) Will the Minister kindly clarify how is it possible to export rice if we are not going to over produce in the first instance?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I would like him to repeat the question.

Tuan Yang di-Pertua: Bertanya lagi sekali dengan bahasa Kebangsaan, chuba-lah.

Dr A. Soorian: Dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata, kita tidak boleh tanam padi lebeh—over produce. Jikalau kita tidak boleh over produce macham mana kita boleh jual ka-negeri lain?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sebutkan fasal kita hendak jual ka-negeri lain beras tadi. Yang saya katakan ia-lah sa-lepas tahun 1974 Malaysia Barat yang akan berlebehan beras. Saya tidak sebut soal hendak eksport beras itu.

KERANI² SEMENTARA—NOTIS PENGAKHIRAN PERKHIDMATAN

4. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan sedar ia-itu ramai orang, yang maseh memegang jawatan² kerani sementara dan jawatan² lain di-dalam perkhidmatan Kerajaan dari empat-belas hingga lima-belas tahun, telah di-beri notis pengakhiran perkhidmatan, dan kalau sedar, sama ada patut di-pehak Kerajaan mengambil tindakan itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tindakan telah di-ambil untuk memasokkan Kerani² Sementara kepada jawatan tetap berasingan kepada shor² Surohanjaya Suffian. Sa-ramai 2,068 orang Kerani Sementara telah di-temuduga untuk maksud itu. 643 orang

daripada mereka itu di-dapati oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam tidak sesuai dan tidak di-pileh untuk mengisi jawatan² tetap. Daripada jumlah 643 orang itu hanya 238 orang sahaja yang telah berkhidmat dengan Kerajaan lebeh daripada 14 tahun. Tindakan sedang di-ambil untuk membenarkan mereka itu mengisi jawatan² kerani yang sa-benarnya sementara.

Walau bagaimana pun tindakan akan di-ambil untuk memberi pekerjaan sementara yang lain kepada mereka² yang tidak dapat di-beri jawatan kerani sementara.

Tuan Ramli bin Omar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Kerani² Sementara ini di-beri apa² ganjaran untuk perkhidmatan sementara mereka sa-tengah di-beri notis perkhidmatan pengakhiran ini oleh Kerajaan dan kalau ada ganjaran salama berapa tahun-kah perkhidmatan yang boleh melayakkan diri mereka mendapat ganjaran ini dan bagaimana-kah kiraan-nya?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sa-tahu saya menurut peratoran-nya kerani² ini di-beri notis tiga bulan sa-belum di-berhentikan dari perkhidmatan-nya dan tidak ada-lah ganjaran di-bayar.

Tuan V. David: Soalan tambahan. (*Dengan izin*) Sir, I am sure the Government is aware of the service rendered by these temporary clerks, and will the Government give an assurance to this House that these two thousand over clerks will not be turned as destitutes and all efforts will be made to absorb them into the various Government Departments?

Perdana Menteri: Sir, I have already answered it; I have given that assurance.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) In view of the fact that the Government is at present recruiting new people into the clerical posts, why can't, instead of recruiting new people, the Government absorb these people who have spent the best part of their years in the faithful service of the Government?

Perdana Menteri: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I don't think the Honourable Member understood the reply that I have made just now. I said action has been taken to put these people into permanent posts and those who are not taken into permanent posts are being given temporary posts and if there are no temporary posts, action is being taken to help them to look for other jobs.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, would the Honourable Prime Minister inform the House why is it that people who have served the Government for as long as fifteen years are still classified as temporary clerks? It seems a terribly long time to be put in a temporary category.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, this has happened in the past: people are taken on temporary employment and they continue to be on temporary employment until they are absorbed into permanent establishment. It was understood that they were taken on temporary basis and they agreed to be employed on that understanding.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. In view of the assurance given by the Honourable Prime Minister, can all these temporary clerks expect that none of them are going to lose their jobs in view of this assurance—that none of them stand to lose their job?

Perdana Menteri: Sir, as I said, as far as possible, we will give them jobs, either permanent jobs or temporary jobs. If there are no jobs available, a small number of them may be asked to leave. Notices have been given, but, as I said, out of sympathy for them, we are endeavouring to find for them temporary jobs as well other jobs.

Tuan V. David: Mr Speaker, Sir, is it at all necessary to terminate their services in view of the Second Five-Year Malaysia Plan and other expansion in this country?

Perdana Menteri: It is obvious, Sir, that if there are jobs available, then their services will not be terminated.

Tuan V. David: It is very unfortunate, Sir, that we are unable to get a definite reply from the Government side. We are most concerned over these two thousand over clerks and their families and what we are asking the Government is to give an assurance that these people will not be made unemployed, and if at all they are made unemployed, I am sure we are not really working within the spirit of the Second Malaysia Plan. So what I request is, I want the Honourable Prime Minister to give us a definite assurance in the House that these people will not be made unemployed.

Perdana Menteri: I have given that assurance. I don't know what to do now. I have given the assurance in Bahasa Malaysia—the

Honourable Member does not seem to understand it; I have given the assurance in English—he does not seem to understand it either. I don't know what I should do now. (*Ketawa*).

Tuan V. David: Sir, the Honourable the Prime Minister said some may be asked to leave. So we do not know what percentage will be asked to leave. The assurance I am seeking is that all will be employed and none of them will be made unemployed—I hope the Prime Minister understands this.

Perdana Menteri: I have explained, Sir, that those who can be taken, those with the necessary qualifications who can be taken into permanent employment, will be absorbed into permanent employment. The small number who cannot be absorbed into permanent employment will be given temporary jobs, and if there are no temporary jobs available in Government, then we will do our best to find other jobs. Quite obviously, with the implementation of the new Development Plan, there will be more jobs available, in which case we will be able to take them. I cannot give a definite assurance that everyone will be taken. It depends on the jobs available and their suitability for the jobs.

Tuan Goh Hock Guan: Mr Speaker, Sir, I received a Memorandum from some of these temporary clerks, and would the Prime Minister consider these two proposals which they have put forward:

- (1) Temporary clerks who have the same qualifications as those clerks who were offered permanency in the last exercise by the Public Service Commission be absorbed into permanent establishment to fill the posts they are currently occupying.
- (2) A reserve list be drawn up consisting of candidates who were called up for interview by the P.S.C. but have not been offered permanency. As and when vacancies occur, applicants to be picked up from the reserve list to fill them.

Perdana Menteri: Sir, we have taken all these into consideration. That is why more than 80% of them have now been taken into permanent establishment.

SEKATAN² IMPOT KAPADA PERUSAHAAN

5. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan sama ada benar ia-itu bila sabuah perusahaan di-tubuhkan di-negera ini, Kerajaan mengenakan sekatan² impot seperti perlindungan tarif atau quota.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan duti impot perlindungan atau kawalan quota ka-atas sa-suatu barang keluaran tempatan ada-lah berdasarkan terutamanya kapada sama ada perusahaan yang mengeluarkan barang² itu akan memberi faedah kapada negara atau tidak. Sebelum sa-suatu perusahaan di-berikan bantuan² perlindungan, satu penilaian akan dibuat untuk meneliti sama ada faedah yang di-perolehi oleh negara dari segi peluang² pekerjaan, penambahan pendapatan, dorongan kapada perusahaan² berkaitan, penambahan pengetahuan teknik dan lain² akan melebihi sebarang kesan burok dari perlindungan tarif, seperti kenaikan harga. Jika perusahaan itu di-dapati patut digalakkan, peratoran biasa yang di-lakukan ia-lah dengan menguatkuasakan kawalan impot untuk menyekat daripada berlaku-nya "stockpiling" sa-belum sa-suatu perusahaan tempatan di-mulakan. Apabila perusahaan tempatan itu telah dapat berdiri dengan kukuh, biasa-nya chukai² impot perlindungan di-kuatkuasakan dan kawalan impot yang ada di-tarek balek.

Sa-balek-nya jika penyelidekan itu menunjukkan bahawa kesan² burok yang timbul daripada penubuhan perusahaan itu ada-lah lebih besar daripada faedah, atau perusahaan itu boleh menandingi persaingan daripada negeri² asing tanpa langkah² perlindungan, maka pada, ketika itu chukai² impot dan kawalan quota tidak akan di-kuatkuasakan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Ada satu perusahaan di-Kuala Selangor ia-itu Perusahaan Garam Bumiputra, tetapi sayang sa-kali impot garam daripada luar negeri berleluasan juga, jadi susah sangat kilang garam bumiputra ini menjual garam-nya didalam negeri ini. Boleh-kah Menteri yang bertanggung-jawab itu menyekat supaya tidak importation daripada garam² dari luar negeri itu melainkan daripada kilang yang tersebut?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu sama ada Ahli Yang Berhormat itu ada-kah tidak financial vested interest di-dalam kilang ini?

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Ta' ada.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Ada-lah tidak benar bahawa impot garam ka-Malaysia ini berleluasa. Saya sudah nyatakan dalam jawapan pada kali yang telah lalu dan saya tidak faham kenapa Ahli Yang Berhormat itu mengulang² soalan yang telah saya jawab dan telah saya nafikan pada kali yang telah lalu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, sebab saya ulang dan ulang sa-kali lagi dan akan ulang lagi pertanyaan ini oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu orang² itu mengadu mengatakan impot garam ini siapa pun boleh masok, itu sebab-lah untuk mempertahankan kilang² yang ada didalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan daripada Menteri mengatakan Ahli Yang Berhormat sudah ada bertanya terlebih dahulu atas perkara ini.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Chuma saya hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bertanya lagi sa-kali?

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tidak, hendak jaminan itu, itu sahaja-lah.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah berikan jaminan dalam Dewan ini pada kali yang telah lalu juga ia-itu impot garam ka-negeri ini tidak-lah sama sa-kali berleluasa. Impot garam yang kita benarkan itu ada-lah berdasarkan pertimbangan², berdasarkan supply and demand garam yang ada di-dalam negeri ini, tambahan pula perkara ini saya fikir tidak patut timbul lagi. Pehak company yang berkenaan ada-lah di-panggil berunding dengan pegawai² Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dari sa-masa ka-samasa.

Dr Chen Man Hin: (*Dengan izin*) Is the Honourable Minister aware that quite a number of consumer products produced in this country by tariff protected industries are much dearer than imported goods, such as

clothing? Is he also aware that clothing made in China is much cheaper than the clothing made locally and will he lift the ban on importation or the tariff on these goods.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, in some cases it might be true, one of the reasons might be due to the economy of scale. The quantity of products that we produce is on a smaller scale, so the cost of production might be a little bit higher than those imported goods which are produced on a very large scale. But in this case we have got to protect our industries to ensure that our young people can get jobs. If we keep on importing, although we might get cheaper goods, but a lot of our young people cannot get jobs. So we have to look at this question in the broad national interest.

PESUROHJAYA PERDAGANGAN DI-PEKING—MENGADAKAN

6. **Tuan V. David** minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan sama ada Kerajaan berchadang mengadakan sa-orang Pesurohjaya Perdagangan di-Peking dengan sa-bberapa segera-nya.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan belum ada chadangan lagi hendak membuka sa-buah pejabat Pesurohjaya Perdagangan di-Peking oleh kerana tidak ada perhubungan diplomatik di-antara Malaysia dengan negeri China itu.

Tuan V. David: *(Dengan izin)* Sir, will the Government consider in future appointing a Trade Commissioner?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, the Honourable Member doesn't have to worry because when the time comes we will consider it.

PERHUBONGAN DIPLOMATIK DENGAN REPUBLIK RA'AYAT CHINA

7. **Tuan V. David** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan Rombongan Perdagangan ka-negeri China yang lalu sa-bagai satu langkah memulakan perhubungan diplomatik dengan Republik Ra'ayat China.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, lawatan tidak rasmi yang telah di-lakukan oleh Rombongan Perdagangan Malaysia ka-negeri China baharu² ini merupakan perhubungan perdagangan dan perhubungan antara ra'ayat kedua² buah negara. Perhubungan ini tidak rasmi dan terhad kepada perkara² berkaitan dengan perdagangan.

Penubohan perhubungan diplomatik terpaksa di-tanggohkan sa-hingga beberapa masaalah dapat di-selesaikan.

Dr Chen Man Hin: *(Dengan izin)* Mr Speaker, has the Honourable Prime Minister considered the establishment also of other non-official contacts besides Trade Missions, such as, for example (1) the exchange of journalists and (2) the exchange of medical specialists?

Perdana Menteri: *(Dengan izin)* Sir, I have already answered this before and I think if the Honourable Member had been in this House he would have known this.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan berchadang akan menyusul kemud-ian daripada ini satu rombongan yang rasmi ka-Peking untuk tujuan² pehak Kerajaan kita?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya perkara ini berbalek². Saya sudah kerap kali jawab. Kita hanya-lah mengadakan perhubungan yang tidak rasmi, ia-itu terhad kepada perniagaan sahaja, perdagangan dan perniagaan dan tidak ada per-hubungan² lain pada masa ini.

Dr Chen Man Hin: Is the Honourable Prime Minister then prepared to accept an application from a delegation of medical practitioners in Malaysia to go on a tour and visit hospitals and also medical institutions in China?

Perdana Menteri: Sir, I have already explained before that we will only allow visits to the People's Republic of China on certain specified purposes and on invitation of that Government. We will not allow people to visit the People's Republic of China for no specific purpose. I don't think that is right and it is not compatible with our status as citizens of another independent country to visit another country with out a specific purpose.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) The forthcoming visit of a Chinese Trade Mission next month seems to be one of the results of the Malaysian Trade Mission to China. Has this forthcoming visit of the Chinese Trade Mission got the official blessings of the Government, and if so, can the Honourable Prime Minister give us some details?

Perdana Menteri: Sir, the United Chambers of Commerce have asked us permission to invite the Trade Mission from China and we have already given our approval.

PROJEK² KECHIL YEN-MERBOK— BANTUAN

8. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapa-kah banyak wang bantuan segera untuk projek² kechil telah di-berikan untuk kawasan Yen-Merbok menjelang pilihanraya kechil Yen-Merbok baru² ini; nyatakan juga wang² bantuan segera ini dari mana datang-nya.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada bantuan wang segera telah di-beri untuk projek² kechil kerana pilihanraya kechil di-kawasan Yen-Merbok baharu² ini. Bagaimana pun peruntukan sa-banyak \$24,850 telah di-belanjakan di-Dearah Kuala Muda dan Yen bagi projek² kechil di-bawah Peruntukan Ranchangan² Kechil Biasa bagi tahun 1971.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapa-kah bantuan² itu di-berikan pada waktu pilihan raya kechil di-jalankan?

Dato' Abdul Samad bin Idris: Mungkin itu sa-chara kebetolan yang di-berikan oleh Kerajaan Negeri.

PINJAMAN²/PENDAHULUAN² KAPADA PERUSAHAAN² KECHIL

9. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan berapa buah-kah bank² yang telah menyahut seruan yang di-buat oleh Bank Negara supaya menyediakan pinjaman² dan pendahuluan² kepada perusahaan² kechil dan nyatakan melalui sebaran 'am apa-kah yang orang ramai di-beri tahu.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di-Pertua, semua bank² perdagangan telah menyambut dengan baik seruan yang di-buat oleh saya dan juga oleh Gabenor Bank Negara Malaysia melalui saluran² sebaran 'am ia-itu mereka mesti-lah menjalankan dengan lebeh tekad dan luas mengenai polisi² memberi pinjaman² dan pendahuluan² kepada perusahaan² kechil yang tegoh dan baik chara pengurusan-nya. Sa-sunggoh-nya tiga buah bank dalam negeri telah pun mengambil langkah² yang positif di-dalam hal ini dengan tujuan untuk memberi lebeh banyak pinjaman² dan pendahuluan² seperti ini.

GAJAH² LIAR—BILANGAN

10. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan:

- (a) anggaran kasar gajah² liar di-Malaysia;
- (b) had umur bila gajah² ini boleh di-bunuh;
- (c) musim binatang² ini berasmara dan lama-nya musim ini;
- (d) langkah² yang beliau berchadang hendak ambil bagi menjaga keselamatan orang² yang kerap kali di-ganggu oleh binatang² ini; dan
- (e) sama ada suatu kebenaran membunuh binatang² ini hendak-lah di-perolehi dari Raja² atau Ketua Negara.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali Jawi): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Anggaran kasar bilangan gajah² liar di-Malaysia Barat berjumlah 509 ekor.
- (b) Tiada had umur di-tetapkan untuk gajah² yang boleh di-bunuh. Biasa-nya ketua kepada sa-kumpulan gajah² liar di-bunuh untuk menakutkan gajah² di-dalam kumpulan yang tersebut dengan maksud untuk menghilangkan ketua yang telah mengakibatkan gajah² yang tinggal berhenti merosakkan tanaman² untuk sementara waktu. Untuk buruan lesen² pernah di-keluarkan bagi pelesen² senjatapi yang sesuai untuk menembak gajah sahaja. Gajah jantan sahaja di-benarkan di-tembak dan berat-nya gading binatang itu tidak-lah boleh kurang daripada 30 paun.

- (c) Binatang itu biang atau pun ada terasa ingin (*Ketawa*) pada sa-panjang tahun dan tiap² kali sa-suatu binatang itu biang musim-nya akan habis sa-lepas sahaja ia bersatu dengan gajah betina yang sesuai.
- (d) Kumpulan² gajah yang di-jumpai didalam sa-suatu negeri selalu-nya di-ketahui oleh Jabatan Mergasetua. Di-kawasan² yang di-jumpai kumpulan² gajah selalu-nya di-tempatkan Renjer² Mergasetua yang berpengalaman tinggi berkenaan dengan kerja² kawalan gajah. Kumpulan² gajah yang merosakkan tanaman² selalu-nya di-halau dengan jenis letupan dan bila tindakan itu tidak mendatangkan kejayaan ketua kumpulan tersebut di-bunuh.
- (e) Kebenaran membunuh gajah untuk maksud yang tersebut di-atas boleh di-beri oleh Perlindungan Mergasetua di-dalam negeri² yang berkenaan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dengan banyak-nya gajah sa-banyak 509 ekor ini, ada-kah Kementerian ini berchadang membuat satu kompleks membiakkan gajah² dan binatang liar supaya menjadi khazanah dalam hutan belantara kita dalam negeri ini.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kalau sa-kira-nya dapat Ahli Yang Berhormat itu berunding dengan Pegawai² Mergasetua berhubung dengan tabi'at gajah. Gajah tidak boleh di-pindah² kerana walau pun kita pindahkan gajah ka-tempat lain, ia harus balek juga ka-tempat asal-nya kerana di-situ-lah dia ingin tinggal dan boleh di-katakan ada sira tempat dia minum atau makan dan di-situ juga mereka suka berkubang. Jadi dengan sebab itu amat-lah sukar untuk mengumpolkan gajah ka-satu tempat sahaja, tetapi terpaksa-lah kita memelihara gajah² itu atau membiarkan gajah² itu hidup di-tempat asal-nya tetapi kita menjaga supaya mereka tidak merosakkan tanaman² orang² kampung.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Ada-kah telah sampai kepada pengetahuan Kementerian yang berkenaan ini berhubung dengan gagak yang telah merosakkan manusia di-Kelang? Dan apakah langkah yang telah di-buat oleh Kementerian ini untuk menchegeh gagak itu.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa gajah dudok di-atas tanah, manakala gagak dudok di-atas—ta' ada kena-mena. (*Ketawa*).

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah benar bahawa gajah ini ada mempunyai sifat² pemalu, sifat² kemanusiaan daripada manusia² di-dalam hal berasmara? (*Ketawa*)

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, yang saya tahu, atau saya rasa, gajah ini ada mempunyai sifat² yang tertentu sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ia-itu sifat pemalu, sifat kaseh sayang dan sa-bagai-nya. Tetapi sudah tentu yang gajah ini tidak mempunyai sifat kemanusiaan, kerana dia ada-lah binatang. Tetapi daripada segi membalas budi, ta'at dan sa-bagai-nya, saya rasa ada kala-nya binatang² ini ada lebeh mempunyai sifat² demikian daripada sa-tengah² manusia sendiri. (*Ketawa*).

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan chara² berasmara yang sedang berlaku di-Ibu Kota sekarang ini, ada-kah Menteri berkenaan berchadang untuk mengadakan satu rukun berasmara berpandukan kapada sifat² gajah berasmara?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya ta' sanggop mengadakan night club untuk gajah² ini. (*Ketawa*).

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri menerangkan bagaimana-kah chara-nya pehak Kementerian ini dapat menganggar jumlah kasar bilangan gajah² liar sampai angka 509 ini? Bagaimana chara dia mendapat angka ini sedangkan gajah² ini liar.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang sedia ma'alum ia-itu di-kawasan² yang tertentu kita telah menempatkan Pegawai² Mergasetua dan Pegawai² ini akan menuruti jejak langkah gajah² ini manakala ada pengaduan² dan sa-bagai-nya dan daripada situ kita dapat mempastikan berapa ekor gajah yang ada pada satu² kumpulan. Jadi, sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi 509 ekor ini ada-lah anggaran kasar, boleh jadi ada lagi yang tidak dapat di-cham atau di-jumpai

oleh pegawai² ini. Jadi sa-benar-nya pegawai² ini juga tidak-lah dapat bertemu dengan tiap² ekor gajah bagi mengira bilangan tiap² kepala gajah, tetapi kita dapat kirakan daripada tapak kaki gajah yang ada di-satu² denai dan sa-bagai-nya. Jadi ini ada-lah chara² anggaran yang di-buat oleh Jabatan Mer-gasetua.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana begitu bijak pegawai di-bawah Kementerian ini mengikut jejak langkah gajah liar ini, boleh-kah di-beritahu kepada Dewan ini dengan kebijaksanaan itu berapa-kah jantan dan berapa-kah betina?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri belum buat siasatan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu ta' payah di-jawab!

PENJUAL² KERETA MENGGUNAKAN SAMSENG²

11. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian beliau sadar bahawa sa-tengah² penjual kereta menggunakan samseng² untuk menarek balek kereta² dari tuan² punya yang tidak menjelaskan pembayaran ansoran-nya dan nyatakan berapa buah-kah kereta, lori dan motosikal yang telah di-tarek balek atas perentah² Mahkamah dan oleh samseng².

Menteri Pengangkutan (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini belum menerima laporan mengenai ada-nya sa-tengah² penjual kereta menggunakan samseng² untuk menarek balek kereta² dari tuan² punya yang tidak menjelaskan pembayaran ansoran-nya. Jika perkara saperti ini berlaku sa-patut-nya-lah kita memberi tahu kepada pehak Polis supaya boleh di-ambil tindakan. Kementerian ini juga tidak ada menyimpan rekod mengenai jumlah lesen² kereta, lori dan motosikal yang telah di-tarek balek atas perentah Mahkamah kerana rekod² tersebut di-simpan oleh Mahkamah Rendah Negeri² dalam Malaysia Barat.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Ada-kah Kementerian ini tidak sadar ada-nya penjual² kereta menggunakan samseng ini kerana tidak kecekapan pegawai menjalankan penyiasatan?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya telah pun terangkan tadi sa-panjang yang kita tahu tidak ada samseng yang saperti itu di-gunaan oleh penjual yang telah berekod kepada kita, tetapi sa-benar-nya kalau Ahli Yang Berhormat itu tahu perkara ini terjadi, harus-nya di-repotkan kepada Polis supaya tindakan akan di-ambil.

SHARIKAT² BESAR MENOLONG PERUSAHAAN MELAYU

12. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan sa-jauh mana-kah sharikat² besar menolong orang² Melayu di-dalam perusahaan dan berikan butir²-nya.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sharikat² yang terbesar ada-lah membantu orang² Melayu mengambil bahagian dalam lapangan perdagangan dalam chara² sa-bagai berikut:

- (i) mengambil pekerja² Melayu,
- (ii) mengadakan latehan-dalam-bekerja dan ada di-antara mereka di-hantar keluar negeri untuk latehan khas,
- (iii) di-bidang permodalan (equity participation) dengan mengkhaskan beberapa peratus² saham yang tertentu,
- (iv) melantek orang Melayu menjadi pembahagi² barang² keluaran sharikat mereka.

DASAR PENGAMBILAN 40% PEKERJA² MELAYU

13. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan sama ada semua kilang² dan perusahaan² mengamalkan dasar mengambil 40% daripada pekerja²-nya dari orang² Melayu, dan jika ya, nyatakan dengan panjang lebar jawatan² yang di-beri dan sama ada amalan ini akan berpanjangan atau pun untuk beberapa bulan sahaja (Harap sahkan dengan mithal-nya yang konkrit).

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dasar mengambil 40% pekerja² Melayu ada-lah di-amalkan oleh sharikat² yang baharu di-luluskan akan tetapi bagi sharikat² yang telah lama di-tubuhkan mereka ada-lah menchuba mengikut dasar ini dengan sa-daya upaya mereka apabila mereka mengambil orang² baharu, atau apabila mereka menggantikan pekerja² lama yang

berhenti, atau bersara. Berkenaan dengan soalan ia-itu pekerja² Melayu di-ambil bekerja dengan chara sementara, atau sa-bulan dua ada-lah pada lazim-nya tidak di-amalkan oleh sharikat² yang telah di-tubuhkan lama oleh sebab pekerja² sa-demikian, apabila telah dilateh, ada-lah menjadi satu "asset" kepada mereka oleh kerana mereka telah ada pengalaman dan kebolehan. Memberhentikan pekerja² sambilan mungkin ada berlaku, oleh sebab keadaan² yang tertentu—umpama-nya satu sharikat di-kehendaki menambah pengeluaran-nya bagi jangka waktu yang pendek; oleh sebab itu kaki-tangan ada-lah di-kehendaki di-tambah dan apabila had pengeluaran sharikat itu telah di-chapai pekerja² itu terpaksa-lah di-berhentikan. Dengan keadaan yang demikian ini ada-lah tidak patut sharikat tersebut di-paksa menyimpan pekerja² ini oleh sebab perkhidmatan mereka tidak di-kehendaki lagi. Mungkin-lah dengan chara sa-demikian ada di-antara pekerja² yang di-berhentikan termasuk-lah juga pekerja² Melayu.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Menteri yang berkenaan akan mengambil tindakan sa-tengah daripada kilang² perusahaan, atau pun gudang² perniagaan yang memberi gaji kepada buroh bumiputra mithal-nya gaji \$100 tetapi di-beri-nya hanya \$85 sahaja. Di-pesan-nya kepada buroh itu kalau di-tanya orang berapa gaji kamu: \$100 tetapi chuma di-bayar-nya \$85 sahaja, ada-kah Kementerian yang bersangkutan akan mengambil tindakan kepada majikan yang demikian itu?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada sudah tentu-lah Kementerian akan mengambil tindakan, tetapi saya berharap Ahli Yang Berhormat itu kalau berchakap biar-lah ada bukti²-nya yang jelas daripada membuat tuduhan melulu.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak membuat tuduhan melulu jika Yang Berhormat Menteri itu berkehendakkan laporan, saya boleh memberi dan memberi kenyataan kepada beliau pada masa yang akan datang.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sila-lah.

BAHAN² TEMPATAN— PERBANDINGAN

14. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan banyak mana-kah bahan² tempatan berbanding dengan bahan² yang di-impot yang di-gunakan oleh kilang² perusahaan di-negara ini di-dalam pengeluaran simen, gula, susu, tepung, besi dan lain².

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dalam kiraan peratus penggunaan bahan² tempatan yang di-pergunakan di-dalam perusahaan di-anggarkan saperti berikut:

Simen	...	...	99%	bahan tempatan
Gula pasir	...	...	2%	"
Susu	...	...	1%	"
Tepong	gandom	...	0%	"
Besi dan besiwaja	...	...	100%	"
Pemasangan kere-	...	...	10%	"
ta ² kenderaan	...	...	...	...
Papan lapis	...	...	100%	"

Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dengan chergas menganjorkan pembuatan dan penggunaan bahan² tempatan, mithal-nya Ordinan Perusahaan Memasang Kereta² Motor (Bahan² Tempatan) yang di-chadangkan itu memerlukan pemasangan² yang tersebut untuk menggunakan sa-makin bertambah² banyak lagi peratus bahan² tempatan dalam keluaran mereka dan Akta Galakan Pelaburan pula mengandongi galakan tambahan untuk menggesa penggunaan bahan² tempatan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila-kah pendapat Menteri yang berkenaan kilang² gula, gandom, kereta dan sa-bagai-nya yang terlampau sedikit peratus-nya menggunakan bahan² tempatan akan menggunakan bahan² saperti itu dengan lebeh banyak ia-itu saperti 50% dan atas daripada itu?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, apabila ada bahan² itu terdapat di-dalam negeri, maka kilang² ini di-kehendaki menggunakan bahan² tempatan. Kalau tidak ada apa hendak kita buat, terpaksa-lah kita impot. Mithal dalam soal gula, kita belum ada lagi mengeluarkan gula, baharu hendak chuba mengeluarkan gula mentah, jadi oleh kerana itu kalau kita belum ada gula mentah

lagi maka mahu tidak mahu-nya kita terpaksa-lah impot. Takkan kita hendak biarkan orang supaya tidak dapat makan gula oleh kerana kita hendak melarang impot gula mentah.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan berhubung dengan masalah kereta, ada-kah sa-hingga ini sudah ada satu perusahaan untuk membuat bahan² kereta itu seperti saya katakan steering, body dan sa-bagai-nya bukan kita impot daripada luar negeri dan di-pasang di-Malaysia, ada-kah benda seperti itu diadakan atau akan di-adakan?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sa-tengah² bahagian daripada kereta itu memang telah di-buat di-dalam negeri ini sa-umpama tayar, betri dan beberapa bahagian yang lain.

Tuan Walter Loh Poh Khan: Tuan Yang di-Pertua, minta izin

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh lagi beri izin, chuba berchakap bahasa kebangsaan.

Tuan Walter Loh Poh Khan: I am afraid not.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh?

Tuan Walter Loh Poh Khan: Tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Baik-lah boleh berchakap bahasa Inggeris.

Tuan Walter Loh Poh Khan: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, will the Honourable Minister explain to us why most or all the tyre factories in this country import rubber components to make tyres when our country is the world's largest rubber producer? Will he explain why?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Mr Speaker, Sir, for natural rubber products our factories use locally produced natural rubber but to produce tyres, they need certain percentage or certain portion of synthetic rubber. So they have got to import synthetic rubber from abroad.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukup. (Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukup dan jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 15 hingga 21 ada-lah di-beri di-bawah ini).

LESEN² MENGEKSPOT KAYU— BILANGAN DI-KELUARKAN KAPADA BUMIPUTERA

15. **Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan bilangan lesen² mengekspot kayu yang telah di-keluarkan kapada bumiputera; dan apakah tindakan yang telah di-ambil untuk menggalakkan bumiputera menyertai perusahaan ini, jika tidak, mengapa.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:

Leser² Mengekspot Balak

Ada sejumlah 22 sharikat yang telah di-beri kebenaran oleh Kementerian untuk mengekspot balak. Semua sharikat itu ada-lah di-punyai oleh bumiputra belaka. Berkenaan eksport balak, soal-nya bukanlah mengenai penggalakkan-nya. Amalan mengekspot balak tidak sepatut-nya digalakkan kerana ini akan merugikan negara dan mengurangkan peluang² kerja: Tetapi oleh sebab pengeluaran balak dalam negeri ada berlebihan maka, kebenaran mengekspot balak di-buat atas "quota." Galakan ada-lah di-beri untuk mendirikan kilang² perusahaan kayu dan bahan kayu terutama di-luar bandar khas-nya di-Pantai Timor.

LEMBAGA PERUSAHAAN EKSPOT KAYU, MALAYSIA—AHLI²

16. **Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan nama ahli² Lembaga Pengekspot Kayu Balak dan taraf kera'ayatan mereka masing².

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:

Nama² Ahli Lembaga Perusahaan Ekspot Kayu, Malaysia.

Lembaga ini ada-lah di-tubuhkan atas anjoran bersama² Negara² Malaysia dan Singapura.

Nama² ahli mewakili Malaysia ada-lah saperti berikut:

<i>Nama</i>	<i>Jawatan</i>	<i>Taraf Kera'ayatan</i>
1. Enche' Lee Kai Toh	Pengerusi Lembaga ...	Warga Negara Malaysia.
2. Enche' Abdullah bin Abd. Kadir	Controller, Bahagian Barang ² Ekspot, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan (Member)	" "
3. Enche' Phillip Khoo	Kementerian Perdagangan dan Perusahaan (Alternate)	" "
4. Tuan Hj. A. Majid bin Hj. Mohd. Shahid, J.M.N.	Ketua Pengarah Perhutanan, Malaysia Barat (Member)	" "
5. Enche' Ismail bin Hj. Ali, J.S.M., S.M.S., P.J.K.	Tim. Ketua Pengarah Perhutanan, Malaysia Barat (Alternate)	" "
6. Enche' Muhammad bin Jabil, K.M.N., P.J.K.	Pen. Ketua Pengarah Perhutanan, Malaysia Barat (Alternate)	" "
7. Enche' Ab. Rahman bin Hamidon	Malay Timber Industry Association (Member) ...	" "
8. Enche' Ong Kian Hing	Timber Trade Federation of Malaysia (Member) ...	" "
9. Enche' Tan Teh Toon	Federation of Malaya Timber Exporters Association (Member)	" "
10. Enche' Na Swee Kim	Federation of Malaya Timber Exporters Association (Member)	" "
11. Enche' Lim Boo Yan	Timber Trade Federation of Malaysia (Alternate) ...	" "
12. Enche' Yuen Sze King	Timber Trade Federation of Malaysia (Alternate) ...	" "
13. Enche' Lee Soon Lee	Timber Trade Federation of Malaysia (Member) ...	" "
14. Y.A.M. Tg. Ibrahim bin D.Y.M.M. Sultan Abu Bakar, S.I.M.P.	Malay Timber Industry Association (Alternate) ...	" "
15. Enche' Xavier Samy	Federation of Malaya Timber Exporters Association (Alternate)	" "
16. Enche' Goh Eng Khunn	Federation of Malaya Timber Exporters Association (Alternate)	" "

KEMEROSOTAN TANAH² GALIAN— LANGKAH² MENGATASI

17. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan, memandangkan tentang kekurangan tanah² perlombongan dan hasil yang di-dapati oleh Kerajaan dari bijeh timah, baik sama ada usaha menchari-gali bijeh timah di-gunong² dan di-dalam bumi yang lebeh dalam daripada lombong² yang ada sekarang ini, telah di-jalankan oleh Jabatan² yang berkenaan.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Kerajaan telah lama sedar tentang kemerosotan sa-tahun demi sa-tahun tanah² galian dan juga simpanan bijeh timah yang di-lombong. Untuk mengatasi masalah ini Kerajaan telah mengambil langkah² seperti berikut:

1. Menjalankan pekerjaan menchari galian di-dalam semua Kawasan Simpanan Melayu dan juga lain² kawasan yang berupayaan dengan perbelanjaan Kerajaan. Pekerjaan ini di-selenggarakan oleh Chawangan Gerudi Menyiasat Galian daripada Jabatan Galian.
2. Membuka kawasan² dasar laut untuk di-siasat dan di-charigali oleh sharikat² perlombongan. Pekerjaan tersebut akan di-jalankan sedikit masa lagi.
3. Membuka kawasan yang bergunong-ganang untuk di-siasat dan di-charigali bagi menentukan kemungkinan ada atau tidak-nya bijeh² timah, tembaga, emas, perak dan lain² lagi. Satu daripada kawasan yang sedang di-siasat ia-lah Bukit Keledang yang berham-piran dengan Ipoh.

LANGKAH² MENGAVAL KEKOTORAN UDARA

18. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan minta Menteri Kesihatan menyatakan apa-kah langkah² yang akan di-ambil oleh Yang Berhormat Menteri untuk mengawal kekotoran udara, terutama sekali bau² busok yang datang dari kilang² getah, kilang² kelapa sawit dan kilang² lain, termasuk bau² yang datang dari kandang² babi dan juga dari ayer² kotor yang terdapat di-lombong² bijeh timah di-Kampung Batu Belah, Sungei Pinang, Kelang dan sa-bilangan besar tempat² yang luar dari kawasan saya, sa-belum Rang Undang² kekotoran di-kemukakan sa-chara rasmi.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Satu jawatankuasa telah di-tubuhkan untuk mengkaji dan membuat laporan di-atas chara² untuk mengawal perkara "pollution" yang di-keluarkan oleh kilang². Berkaitan dengan "Water Pollution" perkara ini ia-lah satu perkara yang menjadi tanggung-jawab Kerajaan Negeri dan beberapa negeri telah mengambil langkah² untuk meminda "Enakmen Ayer" mereka untuk menjaga kekotoran ayer. Negeri Selangor juga telah di-nasihat supaya mengambil tindakan sewajar-nya tetapi langkah² ini maseh lagi belum di-jalankan. Apabila undang² ini di-pinda untuk negeri Selangor, boleh jadi masalah kekotoran ayer dapat di-kawal.

TEMPOH PENAREKAN LARANGAN ATAS TINDAKAN PERUSAHAAN

19. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan bila-kah beliau berchadang memansuhkan syarat² yang tidak di-ingini dalam Undang² Perhubungan Perusahaan, 1967 khas-nya fasal² yang melarang kesatuan² sekerja daripada membuat rayuan² bagi pehak ahli² mengenai perkara² yang bersangkutan-paut dengan pembuangan, pemberhentian, penukaran dan kenaikan pangkat serta bila-kah beliau berchadang hendak menarek balek larangan atas Tindakan Perusahaan.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Seperti mana Ahli Yang Berhormat menyedari, pindaan² yang di-chadangkan kepada Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 ada-lah termasuk di-dalam Rang Undang² (Pindaan) Perhubungan Perusahaan yang telah di-bentangkan di-dalam Dewan ini sa-bagai dokumen D.R. 74/71.

Tidak perlu di-nyatakan, saya akan menyediakan kenyataan untuk menerangkan beberapa pindaan² yang telah di-chadangkan apabila mengusulkan pembacaan kali kedua Rang Undang² tersebut di-Dewan ini.

Buat sementara ini, memada² menyatakan bahawa tidak ada satu pun daripada peruntokan² di-dalam Akta Perhubungan Perusahaan yang tidak di-ingini. Pindaan² kepada Undang² ini ada-lah di-chadangkan sa-lepas pertimbangan yang teliti dari semua segi yang terlibat dan di-dalam keadaan yang ada sekarang dan keperluan² negara.

LEMBAGA PADI DAN BERAS KEBANGSAAN, SARAWAK— MELUASKAN

20. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan meluaskan lagi kerja² Lembaga Padi dan Beras Kebangsaan yang baharu di-tubuhkan di-Sarawak.

Perdana Menteri: Ya. Usaha² Lembaga Padi dan Beras Negara akan meliputi seluruh negara termasuk-lah negeri Sarawak.

PENJUALAN GETAH KA-CHINA KOMINIS—JUMLAH

21. Dato' James Wong Kim Min minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan berapa banyak getah yang telah kita jual kepada China Kominis semenjak kembali-nya Rombongan Perdagangan yang di-ketuai oleh Tengku Razaleigh, dan apakah harapan masa depan mengenai jualan getah dan pengeluaran² lain kepada China Kominis.

Tuan Mohamed Khir Johari: Negeri China Kominis telah bersetuju untuk membeli kesemua simpanan getah Lembaga Kumpulan Wang Getah Tanah Melayu. Dukachita saya tidak dapat menyatakan berapa banyak getah yang telah di-jual kerana ini ia-lah rahsia perdagangan.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1971

Menyambong sa-mula Perbahathan atas Masaalah:

Bahawa menurut Peratoran Meshuarat 67B, usul yang berikut ini di-edarkan kepada Jawatan-kuasa sa-buah² Majlis:

Mengikut sekshen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan, 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa satu jumlah tambahan sa-banyak \$328,918,407 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun Kewangan 1971, dan bagi maksud Kepala dan Pechahan-Kepala Perbelanjaan tersebut di-ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 29 tahun 1971, dan di-untokkan jumlah yang tersebut setengah dengan Kepala dan Pechahan-Kepala di-ruangan tujuh dan lapan senarai itu. (20hb Julai, 1971)

Timbalan Perdana Menteri (Tun Dr Ismail):

Tuan Yang di-Pertua, saperti saya sebutkan tatkala membentangkan usul ini, minat kita dari sa-masa kelulusan Ranchangan Malaysia Kedua ia-lah bagi bergerak dengan tidak berlengah² lagi untuk melaksanakan berbagai² dasar dan projek² dalam Ranchangan Kedua ini. Ahli² Yang Berhormat telah membuat beberapa ulasan² ini akan di-jawab dan penerangan yang lengkap akan di-beri oleh Menteri² yang berkenaan tatkala per-untokan bagi Kementerian² itu di-bentangkan dalam Jawatan-kuasa Majlis.

Dalam menggulung perbahathan ini saya sendiri tidak berhajat hendak mengambil masa yang panjang. Pertama sa-kali patut saya ingatkan sa-kali lagi bahawa Ranchangan Kedua ini ada-lah panduan dan matlamat² Kerajaan dan saperti yang telah di-tegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan di-sebutkan di-perenggan² 214-215 perubahan² yang di-fikirkan mustahak dan chadangan² dan usul² baharu boleh di-kemukakan dari masa ka-samasa dalam perlaksanaan Ranchangan itu.

Saya menerangkan perkara ini kerana Ahli Yang Berhormat dari Batu telah mengulas bahawa peruntokan bagi perumahan dan pembangunan bandar² ada-lah sedikit di-bandingkan dengan perbelanjaan yang di-buat oleh Kerajaan Singapura. Sa-lain dari mema'alomkan bahawa perbandingan yang di-buat-nya itu tidak sa-kali² tepat umpama-nya Singapura ia-lah satu pulau suka saya memberitahu Ahli itu atas keutamaan yang tinggi di-beri kepada pembinaan rumah² bagi mereka² yang berpendapatan rendah. Ranchangan² ini ada-lah di-jayakan bersama dengan Kerajaan² Negeri dan di-padankan dengan keupayaan bagi merancang dan melaksanakan projek² saperti itu. Saya perchaya ranchangan perumahan akan meningkat momentum-nya dengan tambahan jentera dan kakitangan Perbadanan² Kemajuan Pembangunan Negeri dan sa-telah Lembaga Kemajuan Bandar atau UDA memulakan ranchangan-nya. Saperti Ahli Yang Berhormat itu sedia ma'alom ranchangan saperti ini bukan sahaja menyatukan usaha menggalakkan per-champoran di-antara kaum di-bandar² yang mustahak di-rapatkan, ia juga akan memberi banyak peluang bagi pekerjaan dan menggunakan bahan² pengeluaran dalam negeri dan akan mendorong bidang perindustrian. Sa-lain dari itu ranchangan pembangunan

tanah seperti yang di-jalankan oleh LKTP juga melengkapkan perumahan² bagi penduduk² yang ramai dan tidak ada banding-nya di-Singapura.

Bekenaan dengan soal Orang Asli pula memang dasar Kerajaan untuk membawa mereka ka-sektor modern seperti yang disebutkan bagi orang² Melayu dan ahli² bumiputra yang lain. Saya berlainan pendapat dengan Ahli Yang Berhormat kerana saya tidak bersetuju yang kata²-nya tidak ada Orang² Asli yang telah mendapat kemajuan dalam negeri ini. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu suka membuat penye-ridekan dia boleh dapati banyak orang² keturunan Orang Asli memegang jawatan² yang penting dalam negeri ini. Usaha untuk menyatukan kesemua-nya mereka ka-dalam gulungan ra'ayat Malaysia tentu-lah meng-ambil masa kerana kebanyakan mereka² tinggal di-tempat² yang terchorok dan jauh dari kemudahan² awam. Ranchangan² pem-bangunan tanah yang di-sediakan oleh Jabatan Orang Asli ia-lah bertujuan supaya dapat menetapkan mereka pada satu² tempat dan dengan itu lebeh mudah-lah di-bekalkan dengan keperluan sekolah bagi anak² mereka, perubatan dan lain² untuk memberi kesenangan hidup dan pengeluaran yang bertambah baik. Saya suka menyatakan di-sini bahawa kebanyakan projek² ada-lah di-usahakan dengan Orang² Asli sendiri bergotong-royong dengan bantuan alat dan perkakas² dari Kerajaan.

Saya juga hendak mengulas chadangan Ahli Yang Berhormat dari Batu untuk menyatukan badan² dan ranchangan² penye-ridekan di-bawah Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan. Saya tidak fikir chadangan itu mudah di-laksana-kan dari segi praktik kerana kita mesti memandang juga kepada peringkat pem-bangunan dan kedudukan kemajuan di-Malaysia sekarang ini. Seperti yang di-ketahui Pusat Penyelidikan Perubatan atau IMR telah lama di-tubuhkan dan amat terkenal dalam dunia. Bagitu juga Pusat Penyelidikan Getah dan Pusat Penyelidikan Kehutanan di-Kepong dan saya tidak fikir yang badan² seperti ini dapat atau pun mustahak di-satukan kerana fungsi²-nya ada-lah berlainan.

Dalam bidang pertanian Kerajaan telah menubuhkan sa-buah instituit dengan tugas khas bagi perkembangan pertanian yang di-kenalkan dengan nama MARDI. Penye-ridekan yang berkaitan dengan perusahaan

akan di-uruskan oleh NISIR di-bawah Ke-menterian Teknologi. Yang mustahak di-buat untuk menyamakan usaha² penye-ridekan supaya mengurangkan duplikasi ranchangan² di-antara badan² itu ia-lah menubuhkan di-MARDI satu Majlis Penasihat Scientific yang di-anggotai oleh Ketua² Pengarah atau wakil² dari badan² penye-ridekan ini. Dengan itu dapat-lah ranchangan² penye-ridekan di-binchang dan keutamaan-nya di-tentukan mengikut keperluan masing².

Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya dudok saya hendak menjawab atas keraguan yang telah di-timbulkan oleh Ahli² Yang Berhormat sama ada Kerajaan dapat mem-belanjakan kesemua peruntukan dalam tahun ini. Kerajaan sedar atas kerumitan ke-kurangan pegawai² professional terutama sa-kali dalam Jabatan Kerja Raya dan beberapa langkah² telah di-ambil untuk meleakaskan chara² pengambilan atau recruit-ment procedures; menggalakkan penggunaan sharikat² perunding dan juga pengambilan pegawai² yang sesuai dari luar negeri.

Kertas Perintah No. 30 yang di-bentangkan bersama anggaran ini telah menerangkan sebab²-nya peruntukan tahun ini lebeh dari biasa. Kebanyakan-nya ada-lah bagi projek² yang sedang di-laksanakan dan pembiayaan mesti di-buat dalam tahun 1971. Ini termasuk projek² yang besar yang akan siap seperti Ranchangan Muda, Kemudu dan ranchangan² talikom di-mana banyak pesanan alat² dan kelengkapan telah di-buat dalam tahun 1970 dan akan di-bekalkan dan di-pasang dalam 1971 ini. Bagitu juga pada ranchangan² yang lain di-mana kerumitan mendapati tanah, menyediakan rekabentuk dan pembenaan telah di-atasi dan dapat di-jayakan dalam tahun 1971 ini.

Saya juga faham akan kenaikan harga² projek yang akan timbul dari ranchangan² yang besar seperti ini. Seperti Ahli² kesemua tahu saya telah merayu kepada sa-genap gulungan ra'ayat supaya memberi sambutan mereka bagi menjayakan Ranchangan ini. Harapan saya ia-lah satu sambutan yang jujur dan ikhlas. Saya tidak fikir mereka akan membuat sifat yang ini-lah masa-nya bagi pehak swasta, pemborong² atau kon-trektor² menjadi kaya raya dengan membuat harga² yang tidak berpatutan. Bagi mereka yang menyimpan niat² ini saya mengingatkan yang pehak Kerajaan lebeh mengawasi perkara sa-macam ini dari berlaku.

Saya juga telah bekerja dalam pehak swasta sungguh pun masa yang suntok dan faham akan selok-belok-nya. Saya perchaya yang ini-lah peluang mengaleh fikiran tamak haluba kapada kejujoran mereka dalam membantu usaha² pembenaan kemajuan. Oleh yang demikian, saya minta-lah supaya badan² professional—sharikat² akitek, perundingan² kejuruteraan dan kontrektor²—supaya menghulorkan tenaga mereka dengan berpadanan. Lend us your hand and serve the nation selflessly.

Tuan Yang di-Pertua, ini-lah sahaja yang saya fikir mustahak di-sebutkan dan saya yakin bahawa Dewan ini akan meluluskan Anggaran Pembangunan ini dengan sa-bulat suara. (*Tepok*).

Usul di-kemuka bagi di-putuskan dan di-setujukan.

Bahawa menurut Peratoran 67b Usul dan Anggaran Pembangunan, 1971, di-serah kapada Jawatan-kuasa sa-buah² Majlis.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Kepala² 100-102—

Tun Dr Ismail: Tuan Pengerusi, saya berchadang supaya Kepala² 100, 101 dan 102 di-luluskan.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$20,030 untok Kepala 100; \$500,010 untok Kepala 101 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1971.

Kepala 103—

Menteri Dengan Tugas² Khas dan Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan bahawa Anggaran Pembangunan, 1971 bagi Kepala 103 yang di-peruntokan bagi Kementerian Penerangan di-luluskan.

Tuan Khoo Peng Loong (Bandar Sibu): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I wish to touch on Head 103, sub-head 64, item (ii)—Sibu Broadcasting Station. I see from the Estimates that Sibu is to have a Broadcasting Station very soon, but I hope the Honourable Minister will give top priority to build this Station in Sibu because the population in the Sibu rural and urban areas has increased to about 120,000 people and this will help the children in Sibu Town as well as Sibu rural

area to gain some general knowledge which will be given to them through this Broadcasting Station and also with the Broadcasting Station we can search for new talents from all these young people.

Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I just wish to touch on two matters under this item. Firstly, I hope the Minister of Information is aware that the films shown in the Television are quite old and in fact some of them were probably made before I was born. So I hope the Minister of Information can look into this question.

The other subject I would like to touch on is the widespread advertisements that have been going on in some magazines, particularly those relating to film stars. I have very often read advertisement like, "Grow Taller Course", "Increase The Bust-Line Course", "Increase", "Your Height Course", "Grow Shorter Course", "Slimming Course" and so on and so forth. In my opinion, these gimmicks are a means to hookwink the members of the public and I don't think the men behind these "Courses" are able to give what they advertise to give, and I hope the Government, particularly this Ministry, can look into this matter as I think many members of the public have been taken in by these advertisements and if the Government is serious about it and is interested to go into this question, I am prepared to provide some samples of these advertisements.

Tuan Azahari bin Mohd. Taib (Sungei Patani): Tuan Pengerusi, saya suka menarek perhatian berkenaan dengan muka 10, Pechahan-kepala 20—Steshen Pemanchar Kuasa Kuat Penang dan Rumah² Kediaman, walau pun di-peruntokkan \$10.00.

Saya suka menarek perhatian sangat lemah kuasa pemanchar Radio Malaysia, Pulau Pinang. Penduduk Kedah dan Perlis, biasanya pada sa-belah malam tidak dapat mendengar dengan jelas berita² dan suara² daripada Radio Malaysia, Pulau Pinang kadang² di-ganggu oleh steshen² lain. Kadang-kala radio di-Thailand lebeh kuat daripada Radio Malaysia, Pulau Pinang. Saya rasa Kementerian ini patut memikirkan supaya mengadakan satu Transmitter di-Alor Star ini bukan sahaja berguna dalam kawasan daerah utara, tetapi saya rasa akan berguna besar tentang menjalankan usaha perang urat sarap dalam kawasan sempadan Malaysia/Thai.

Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman (Rawang): Tuan Pengerusi, chuma saya hendak menyentoh satu dua perkara sahaja berkenaan peruntukan Kementerian Penerangan. Yang pertama ialah saya berharap sangat-lah kepada Yang Berhormat Menteri supaya dengan chara besaran² menggunakan alat² ini supaya memberitahu bukan sahaja kepada orang² Melayu tetapi juga kepada orang² yang bukan Melayu supaya bersama² menolong orang² Melayu dalam segi ekonomi atau iktisad untuk mewujudkan perpaduan negara. Sa-patut-nya perkara ini di-beri keutamaan oleh Kementerian tersebut.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan iklan² yang di-keluarkan di-dalam Talivishen dan Radio sa-patut-nya kita boleh-lah berhentikan dalam bahasa yang lain, dan paut-lah di-gunakan dalam bahasa Malaysia sahaja.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya suka menarek perhatian kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan ia-itu berkenaan dengan siaran Talivishen yang di-nekmati oleh seluruh penduduk dalam Malaysia Barat, bahawa di-kawasan saya di-Pekan Baling, penduduk² Pekan khas-nya tidak langsung pernah dapat menekmati melihat talivishen. Apa yang menyusahkan saya ia-lah penduduk² Pekan Baling itu yang dahulunya menjadi tempat tumpuan dharurat pemuda² atau belia² yang kalau mahu melihat talivishen mereka pergi menyeberang sempadan, ka-Negeri Thai di-Betong sana dan siaran Talivishen daripada Bangkok ada-lah lebeh baik dan gambar² yang di-tunjukkan di-sana lebeh banyak menunjukkan gambar², cherita² berkenaan dengan gangster dan lain² dan ini memberi satu perkara yang tidak baik kepada pemuda² kita yang membawa balek chara² itu ka-dalam negara kita. Perkara ini telah di-bangkitkan beberapa kali dalam Dewan ini dalam masa yang telah lalu dan sa-hingga hari ini satu pun tindakan tidak di-buat untuk memberi nikmat kepada penduduk² Baling, terima kaseh.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, may I commend the Government on the philosophy behind the Second Malaysia Plan where it says that the economic policy would be implemented without reference to race. I think that is a highly commendable philosophy, and I hope

that the Minister of Information would be able to convey that important message right throughout the length and breadth of this country because in the coming months and years, Sir, the battle is primarily going to be fought at the psychological level for the hearts and minds of our people.

In this connection, Sir, it seems to me that the Clandestine radio broadcast from Chin Peng and Rashid is doing a lot of damage to this country. And up to date, Government is unable either to jam that radio broadcast or to do anything that is really effective to blunt the edge of that message from the other side. This is particularly ironic, Sir, in view of the fact that here in Parliament we are conscribed and constrained; after the passage of the Constitutional Amendments in this House, here we are, the democrats of this country, unable to put forward our views to achieve necessary changes in this country, but, on the other hand, the violent men of the country, the very people that you must try to contain and conscribe, you are unable to do so. Now, this seems to me to be painfully ironic and is an indication that there is a failure in communication somewhere. Perhaps, Sir, this shortcoming could be overcome if the Government were to consider, for instance, allowing Members of the Opposition to speak over the radio and the television, not because we like to be seen inside the screen of the television, but I do put it to you, quite sincerely, that if you really want to win the hearts and the minds of the people of this country, you could do no better, Sir, than to invite the Opposition to help you to mobilise that section of the population which you are unable to do so up-to-date. And we can help you there. I mean we are

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): (*Dengan izin*) Are you sure?

Tuan Goh Hock Guan: Mr Chairman, Sir, I will address my answer to you. (*Ketawa*). Kita boleh beri jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu that we will do and make our contribution. If you should decide to give us that opportunity. I say, Sir, you couldn't start earlier than now.

Finally, Sir, it is very important, after all the propaganda that might come out from your machinery, that deeds must match the words, the deeds of Government must match the information that comes out from Government Ministry, because if those deeds do not match those words, then very soon the credibility of the Government, which is already at a very low premium, will suffer some more. Thank you very much.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil perhatian sedikit berhubung dengan Kementerian Penerangan ini. Suka saya menyebutkan sa-chara rengkas ia-itu dalam Kementerian Penerangan ini yang saya ingin minta supaya Menteri yang berkenaan mengambil perhatian ia-lah berhubung dengan Talivishen. Di-negara kita ini nampak-nya filem² yang di-siarkan di-Talivishen Malaysia ada-lah sa-bahagian besar-nya filem² yang di-ambil daripada luar negeri. Jadi, mungkin filem ini sudah di-tapis oleh pihak Jawatan-kuasa Penapis Filem sedikit sa-banyak, sungguh pun demikian sungguh mendukachitakan kita dapati filem yang di-bawa daripada luar itu ada-lah di-tunjukkan dengan chara yang tidak sesuai dari segi keadaan negeri ini, sama ada dalam tingkah laku, perangai dan chara lakunan² yang di-tonjolkan. Jadi, saya harap pihak Kementerian Penerangan supaya membuat usaha agar filem² Melayu lebih banyak di-siarkan di-talivishen kita. Jika dapat Kerajaan kita mengambil atau pun melateh pelakun² kita sendiri untuk buat filem-nya melalui Filem Negara. Dan sungguh baik sa-kira-nya kerjasama di-buat atau pun di-ambil antara kita dengan Indonesia supaya filem² daripada sana dapat di-tunjukkan di-sini dan demikian sa-balek-nya. Sebab dengan chara demikian, kita dapat menggambarkan keadaan masyarakat kita yang sa-benar dan kehendak kita yang betul² jangan talivishen kita, tetapi gambar²-nya macham Talivishen di-America atau pun talivishen

Tuan Pengerusi: Saya suka hendak mengingatkan Ahli² Yang Berhormat bukan-lah boleh beruchap penjang² di-sini, chuma macham mana hendak di-kurangkan. Kalau hendak di-tambah peruntukan itu ta' boleh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Jadi, saya lebih setuju supaya di-tambah usaha untuk membanyakkan perkara yang saya sebutkan itu.

Tuan Pengerusi: Ini tidak berchakap fasal usaha, fasal wang.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ya, Tuan Pengerusi, jadi wang ini kalau kira-nya Menteri yang bijaksana supaya wang sedikit dapat usaha yang lebih banyak, itu lebih baik.

Tuan Pengerusi: Jadi habis-lah sudah.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Sadikit lagi, Tuan Pengerusi. Saya minta supaya Menteri Penerangan kita jangan kita ini di-khayalkan sangat dengan iklan² rokok kerana ada sa-buah negeri ia-itu Singapura telah mengharamkan iklan rokok.

Tuan Pengerusi: Itu yang saya ta' benarkan fasal bawa ka-lain² negeri, chuma patoh kepada yang di-hadapi sahaja, chepat kita boleh habis.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ya. Jadi saya minta ia-itu minta Menteri yang berkenaan haramkan iklan rokok, mengikut pendapat doktor yang banyak dalam Dewan ini mengatakan rokok itu merbahaya. Itu-lah, Tuan Pengerusi, lain ta' ada apa²-lah. Terima kasih.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timor): (*Dengan izin*) I think that the Ministry of Information has an important role to play in the effective implementation of the Second Malaysia Plan. I therefore like to put two proposals to the Honourable Minister. One is to have a Watch-dog Committee to see that the implementation is successful. I believe that the Parliament here can be entrusted with that duty itself by allowing Members of this Parliament to have access to the Operations Room, or whatever room they have, which details the progress of this Plan, so that Members can go frequently to this room, collect whatever information they want and therefore maintain a watchful eye on the pulse of the progress of the plan; and if there are defects or if the progress is slow, we can at this House at the next meeting or the following sessions bring to your notice whatever should be done in the future.

Then the other recommendation which I would like to bring up for the notice of the Honourable Minister concerns the point of sensitive contact between the Government Administration and the people the sensitive

line where the people and the Government meet quite often. As you know, from the time a person is born to the time he dies, a person has always something to do with the Government, either registering of birth, birth certificates, citizenship papers and things like that. But if the people's co-operation is desired, an effective, efficient Government machinery is absolutely essential so as to gather the co-operation, the confidence of the people. I suggest, therefore, that the Ministry of Information can do one thing first. At this sensitive line, the officers concerned who are dealing with the people directly should be people of amiable, sympathetic and understanding nature so that they can deal with the problems of the people which are sometimes quite pressing and urgent and you can help them by having a special public relations course. If necessary, you can enrol the services of a local Dale Carnegie School to help you so as to engender politeness and courtesy in the officers concerned. Then, of course, the second point is most of the people, quite a number of people, especially the not-so-well educated, have only a vague understanding of what is happening in the Government Administration; they regard it as a huge, colossal Administration and which they approach with fear and trepidation. So I think it is necessary that this sort of feeling should be eradicated, and that fear may be engendered because some officials may be too bossy or couldn't care less about the applications or the demands of the people. Therefore, as I said just now, you could improve that by having a public relations course for the officers concerned. On the other hand, it might be due to lack of understanding of the Government machinery and therefore at places, vital areas such as these, the Citizenship Department, for example, and Mail Offices and other areas where there is constant contact between the Government and the people, perhaps at a counter somewhere, there should be a special counter or an information bureau, with a very nice, kind gentleman, to explain the procedure of how to apply for even a road tax, citizenship papers and things like that and followed afterwards by a special brochure detailing the methods of application. This way you will not drive the poor applicant to the arms of the corrupt person because not knowing what he wants, he has nowhere else but to go to somebody who can deliver the goods, provided at a price. So I therefore commend to the Honourable Minister of Information

that we should set up a special committee to attend to this so that where there exists a sensitive, fine line of contact between the people and the Administration there is a smooth and efficient type of attitude and therefore it will produce good results and therefore there is a better chance for the Plan to succeed. Thank you, Mr Speaker.

Tuan Hussain bin Haji Suleiman (Besut):

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian untuk menyentuh berkenaan dengan Pechahan-kepala 72 di-dalam anggaran peruntukan Kementerian Penerangan ini ia-itu Ranchangan Talivishen bagi Pantai Timor dan Kawasan Tengah Malaysia Barat, Peringkat I dan II yang di-untokkan sa-banyak \$1,100,000. Tuan Pengerusi, kalau tidak silap ingatan saya, sa-masa Dewan ini bersidang pada awal tahun ini Yang Berhormat Menteri Penerangan ada memberi pengakuan bahawa kalau tidak di-dalam bulan September atau Oktober tahun ini penduduk² dalam negeri Trengganu akan dapat melihat talivishen ini. Dengan peruntukan sa-banyak \$1,100,000 di-masokkan juga Kawasan Tengah Malaysia Barat, saya khuatir kalau² peruntukan ini tidak menchukupi dan apakala sampai masa tidak menchukupi-nya nanti di-ketepikan-nya bahagian Pantai Timor. Maka janji yang di-buat oleh Yang Berhormat Menteri, saya khuatir kalau² tidak dapat di-tepati. Dengan sebab itu, saya ingin mendapat penegasan kali yang kedua pada hari ini ada-kah dengan peruntukan ini berarti ra'ayat dalam negeri Trengganu tidak lewat dari bulan Oktober, akan dapat melihat talivishen dengan sa-penoh²-nya.

Yang kedua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Pechahan-kepala 102 ia-itu Unit² Berkereta yang di-untokkan sa-banyak \$160,000, Tuan Pengerusi, masaalah kereta² dari Jabatan Penerangan atau unit² Jabatan Penerangan ini bukan-lah merupakan rahsia lagi tentang burok dan kezororan-nya. Sebab itu-lah, Tuan Pengerusi, kalau-lah unit² Jabatan Penerangan itu hendak mengadakan sa-suatu pertunjukan di-sabuaah kampung, ditakdirkan-lah satu malam dahulu daripadanya di-datangi lebeh dahulu oleh satu unit dari sa-suatu firma menunjokkan wayang gambar-nya, kemudian pada malam sa-lepas itu datang pula unit dari Jabatan Penerangan. Boleh jadi orang ramai akan ketawa melihat unit Jabatan Penerangan, kerana kadangkala di-waktu pegawai²-nya mengadakan pertunjukan, belum sampai sa-tengah jam jentera

pertunjukan wayang gambar itu di-jalankan, kadang² orang kata breakdown. Jadi kadang² sedang pegawai²-nya memberi maalamun, berchakap hendak memberi penghebahan pada orang ramai, jentera itu rosak. Apabila jentera itu rosak di-hantarkan-lah ka-Ibu Pejabat. Kalau daripada negeri² yang jauh di-hantarkan ka-Ibu Pejabat dan sekarang ini tidak-lah jadi satu perkara mustahil berlonggok² dalam setor di-Ibu Pejabat barang² lama, spare parts yang ta' dapat di-baiki. Jadi, Tuan Pengerusi, saya khuatir kalau² dengan jumlah \$160,000 yang dimasukkan di-dalam perancangan ini tidak menchukupi untuk mengatasi masalah Unit² Berkereta yang ada dalam Jabatan Penerangan itu yang 75% daripada-nya lebih banyak burok daripada yang baharu.

Tuan Pengerusi: Saya suka hendak mengingatkan Ahli Yang Berhormat dalam perbahathan yang sa-umpama ini melainkan hendak mengurangkan perbelanjaan sahaja boleh, hendak menambahkan ta' boleh. Itu terpulang kepada Kerajaan. Kerajaan yang tahu banyak mana wang yang ada. Tetapi kita boleh kurangkan lagi bagi menjimatkan belanja, itu sahaja perbahathan. Jadi tolong-lah tumpukan chakapan itu, sebab masa kita tidak banyak.

Saya suka juga hendak mengingatkan sampai pukul 6.30 petang ini, lebih kurang dua jam suku sedangkan Kepala-nya ada 148.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Maksud saya bukanlah hendak menambah daripada peruntukan yang ada. Chuma saya menyatakan perasaan hati kechil saya, dengan peruntukan yang sa-bagini mungkin tidak dapat hendak mengatasi masalah yang ada. Jadi kalau dengan peruntukan ini

Tuan Pengerusi: Itu pun boleh saya jawab, kalau hendak menyampaikan perasaan hati yang mushkil itu di-masa yang lain boleh buat. Ini masa yang saya kawal, saya mesti kawal.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, perkara yang akhir yang saya hendak sebut di-sini ia-lah masalah dasar yang di-tujukan oleh Jabatan Penerangan sekarang ini, ia-itu terutama sa-kali dalam talivishen yang saya nampak tadi \$1,100,000 ini boleh-lah barangkali sampai sedikit² ka-Pantai Timor. Saya ingin melihat supaya

Jabatan Talivishen ini lebih mementingkan masaalah membentok keperibadian ra'ayat Malaysia daripada memperhiborkan ra'ayat Malaysia ini melampaui batas.

Dan yang kedua, kedudukan pegawai² dalam Jabatan Penerangan, sebab saya nampak di-sini berkenaan dengan pengangkutan dan perjalanan ini ta' di-tulis apa² butir-nya.

Saya dapat tahu di-Kementerian Penerangan sekarang ini sedang menghadapi kekurangan wang, masalah pengangkutan dan perjalanan. Dan sa-tengah² negeri telah mula mengadakan ceiling kepada pegawai² luar yang bertugas di-luar². Jadi dengan keadaan yang bagini saya tidak dapat hendak mengagak sama ada perkara ma'lumat yang sampai kepada saya itu betul atau tidak, kerana tidak ada permohonan untuk menambahkan di-dalam penganggaran ini. Sekian, terima kaseh, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Lima minit tiap² sa-orang.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya menarek perhatian Kementerian ini dalam Pechahan-kepala 15, Johor Bahru—ranchangan pemanchar² baharu.

Saya gemar menarek perhatian Kementerian ini supaya dapat memperbaiki ranchangan yang ada di-selatan ia-itu dalam negeri Johor, sebab saya dapat tahu bahawa ra'ayat di-selatan sana selera-nya sangat baik, Tuan Pengerusi, kapada radio di-Singapura. Jadi dengan sebab ini terutama sa-kali dalam ranchangan hiburan ramai, perkara ini saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan dalam bahagian talivishen. Saya mengharapka ia-itu Pechahan-kepala 71, ia-itu ranchangan Ganda Wang Anda itu supaya di-teruskan, sebab ini ada-lah menjadi satu kesukaan ramai peminat²-nya dalam tanah ayer kita ini. Dalam ranchangan ini, pada masa ini, saya fikir ada memberi faedah dan kesan dan pelajaran kepada seluroh ra'ayat, sebab yang gemarkan ranchangan Ganda Wang Anda ini bukan sahaja orang² Melayu bahkan termasuk juga orang² yang bukan Melayu.

Jadi akhir-nya, Tuan Pengerusi, berhubung dengan yunit kereta² tadi, saya harapkan supaya kereta² ini kita tumpukan sa-penoh-nya ka-kawasan² yang kita sekarang perang urat saraf di-kawasan utara Malaysia. Sekian-lah, terima kaseh.

Tuan Pengerusi: Ta' boleh lagi, sila jawab.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Pengerusi, segala tegoran² dan buah fikiran yang telah di-keluarkan itu, saya terima mana² yang patut, mana² yang betul, sambil itu suka-lah saya hendak menjawab satu dua perkara. Tuan Pengerusi, kalau dibenarkan, ia-itu umpama-nya Kepala 64 yang di-bangkitkan oleh Ahli dari Sibu tadi. Jadi ranchangan ini yang menelan perbelanjaan sa-banyak \$8,934,657 ia-lah untuk menyediakan bangunan dan alat² pemancar gelombang sederhana 20 kilowatt di-tiap² satu tempat ia-itu di-Sibu termasuk Miri dan sa-bagai-nya. Jadi saya rasa perkara itu sudah ada di-dalam pandangan dan di-dalam ranchangan kita dan di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Kedua sa-banyak \$6,980,000 telah di-sediakan, dan juga tambahan tahun 1971 untuk menyediakan tapak bagi kawasan Sibu semua-nya sudah siap.

Dari segi soal "film show" yang di-katakan terlampau tua, ada dua jenis filem yang kita barangkali kurang faham. Satu filem yang memang di-keluarkan oleh talivishen khas untuk talivishen itu. Saya tidak rasa gambar ini gambar tua; tetapi yang di-katakan gambar tua ia-lah bagi filem yang di-tayangkan di-panggong² wayang gambar; ini sudah menjadi perkara biasa di-seluruh dunia, bukan kita sahaja—di-dalam talivishen luar negeri filem yang di-tayangkan itu memang-lah gambar yang lama. Kita sendiri pun suka menunjukkan gambar yang lama. Umpama-nya talivishen kita, mula dari pada minggu lalu mula menunjukkan gambar yang lama², filem² klasik yang sudah tentu tinggi mutu-nya; pendek-nya mana² filem yang ta' sempat kita tuntun pada masa lalu kerana kita belum di-peranakkan lagi, belum lahir lagi, saperti Ahli Yang Berhormat, dapat-lah kesempatan menengok dan juga mana² gambar yang ibu bapa kita belum menengok dapat di-tuntun pada malam Ahad.

Soal yang ketiga, soal "widespread of advertisement" di-dalam surat khabar. Ini saya rasa bukan-lah perkara yang bersangkut-paut dan "hardly the responsibility of this Ministry". Boleh-lah Ahli Yang Berhormat itu membawa perkara ini ka-tempat yang lain.

Soal Pulau Pinang memang ada di-dalam peruntukan Kepala 20, Tuan Pengerusi. Boleh-lah saya nyatakan di-sini, di-bawah ranchangan ini perbelanjaan akan menelan sa-banyak \$2,600,000 untuk menggantikan 3 alat pemancar gelombang sederhana 10 kilowatt di-Pulau Pinang dan dengan ini, insha' Allah keadaan akan menjadi bertambah baik di-sebelah sana.

Ahli Yang Berhormat dari Baling membangkitkan perkara berkenaan dengan Pechahan-kepala 71, saya rasa kawasan Baling itu ada-lah juga termasuk kerana banyak lagi perkara² yang ta' dapat dimasukkan oleh talivishen kita itu—saya memang faham dan sedar bahawa kawasan Baling ini ada-lah satu daripada tempat yang ta' dapat menerima talivishen kita pada masa ini. Jadi dalam Pechahan-kepala 75 ini kita ada menguntokkan wang sa-banyak \$10,622,947. Dalam Ranchangan Malaysia Kedua kita ini bukan sahaja termasuk kawasan Baling bahkan juga untuk meluaskan-nya ka-tempat² yang belum lagi menerima siaran talivishen umpama-nya Kuala Pilah, Kuala Lipis, Baling, Kroh, Tapah, Labis dan sa-bagai-nya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat ada mengatakan bahawa sa-patut-nya-lah talivishen ini di-gunakan oleh Pembangkang, sebab, kata-nya Pembangkang itu boleh memberi kesan yang lebeh terutama sa-kali bagi menentang propaganda² daripada Chin Peng, serta menentang propaganda² daripada Suara Revolusi.

Saya chukup berterima kaseh kepada Ahli Yang Berhormat kalau betul² dia yakin yang dia lebeh effective. Jadi saya rasa chuba-lah dengan alat² mass-media yang lain dahulu, saya hendak tengok. Ada banyak surat khabar, macham² ada, sila-lah gunakan mass-media itu dahulu, sa-lepas itu kita boleh taksir betul atau tidak dia lebeh effective dengan orang² yang menyokong Chin Peng itu tadi. Kerana ada-lah matalamat Kementerian Penerangan untuk menimbul dan menggalakkan minat dan

pendapat orang ramai untuk mencapai perubahan bersesuaian dengan chita² Kerajaan. Jadi chuba-lah dahulu, kalau sa-kira-nya betul² ada bukti-nya, Insha 'Allah, kita tentu akan timbangkan soal ini.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun meminta banyakkian filem Melayu. Ini saya kurang faham. Ada-kah filem yang di-kehendaki itu filem yang di-tunjokkan di-panggong² atau filem berbahasa Melayu? Kalau filem Melayu ini ada-lah filem dari panggong²-filem² yang di-tunjokkan di-luar—sama-lah juga soalan-nya dengan filem² bahasa Inggeris, ta' dapat kita banyakkian, dan ta' dapat kita tunjok gambar yang baharu, kerana kalau hendak tunjok gambar yang baharu, tentu-lah sewa-nya sama juga seperti di-panggong² di-luar—bagitu mahal! Tetapi dari segi soal hendak bekerjasama dengan orang² Indonesia, baharu² ini saya telah melawat ka-Indonesia dan berjumpa dengan rakan sawat saya di-sana dan kami berdua telah bermaufakat dalam soal bagaimana hendak merapatkan lagi kerjasama dalam production, bukan sahaja filem untuk Filem Negara, tetapi juga untuk Radio dan Talivishen. Saya harap ta' berapa lama lagi soal ini akan dapat di-pergiatkan.

Ada satu soal tadi yang mengatakan bahawa kita patut mempunyai Information Bureau. Ini sudah pun kita mulakan sa-bagai test, ia-itu di-Kuala Lumpur sendiri, semenjak bulan ini—from this month, Mr Chairman, Sir, we have an Information Centre at the Mountbatten Road. Chuba-lah ka-sana test, tanya, tengok, bagaimana keadaan-nya dan saya suka mendengar pandangan daripada Ahli Yang Berhormat, apa-kah Information Centre itu betul² berjalan seperti yang di-kehendaki. Tetapi sudah di-mulai dan kita akan membuat dan mendirikan banyak lagi Information Centre bukan sahaja di-sini dan bukan hanya sa-buah sahaja di-Kuala Lumpur, tetapi juga untuk menambah lagi bilangan di-Kuala Lumpur dan kalau boleh di-bandar² yang lain umpamanya di-Ipoh, Pulau Pinang, dan di-Johor.

Dan soal Ahli Yang Berhormat dari Besut mengenai Kepala 72 insha' Allah boleh saya memberi jaminan tidak akan lewat daripada bulan Oktober; hanya saya bimbangkan, ia-itu kalau angin monsoon sahaja—kalau ada monsoon umpama-nya, itu *wallah hu alam*, ta' dapat hendak saya memberi jaminan, tetapi kalau sa-kira-nya mengikut

jangka yang di-tentukan di-dalam ini, *insha' Allah* dalam bulan Oktober ini dapat. Dan juga soal travelling unit itu betul-lah ada 40 buah di-dalam 5 tahun tetapi kita hendak beli tahun ini sahaja 10 buah lagi "travelling unit"—kita hendak beli untuk menambah dan menampung apa yang di-khuatirkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut. Dan sudah memang-lah Talivishen dan Radio serta Ministry of Information, "is not to provide clowns and entertainers," Tuan Pengerusi, tetapi untuk mempergiatkan lagi, untuk mempergerakkan, "to stimulate public interest and opinions," inilah matalamat utama dari Kementerian Penerangan. Jadi di-harapkan dengan itu mendapat persetujuan, terima kasih.

Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman (Rawang): Tuan Pengerusi, tadi saya bangkitkan berkenaan dengan iklan di-gunakan Bahasa Malaysia sahaja.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Perkara ini, Tuan Pengerusi, ada-lah di-dalam kajian. Tentang chara hendak membuat iklan yang pertama-nya hendak-lah kita faham bahawa iklan ini untuk "consumption" orang ramai. Kalau benda itu tidak di-fahami oleh orang ramai, iklan itu ta' ada guna-nya dan tidak ada orang hendak membuat iklan-nya. Jadi perkara ini ada-lah di-dalam kajian.

Tuan Goh Hock Guan: (Dengan izin) Sir, the Honourable Minister has not answered my question. How does he intend to stop the clandestine broadcast from Radio Chin Peng and Rashid?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Pengerusi, memang soal ini soal rumit. Kerajaan sungguh memandang berat soal radio yang di-pancharkan oleh Suara Revolusi. Saya ta' perchaya ia-nya di-pancharkan oleh Chin Peng—saya ta' perchaya. Bukan Chin Peng yang memancharkan radio ini, saya ta' perchaya. Suara Revolusi ini datang dari negeri Tionghua, negeri China. Jadi kalau sa-kira-nya kita hendak "jam"kan radio ini, ia-nya akan memakan belanja yang banyak. Yang sa-benar-nya kita akan "accept the challenge of this radio" dengan chara response yang positive. Ini-lah yang sekarang sedang kami lakukan di-Kementerian Penerangan.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$5,807,084 untok Kepala 103 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1971.

Kepala 104—

Tuan Pengerusi: Saya chadangkan bahawa perbelanjaan yang di-sebutkan dalam Kepala 104, Anggaran Pembangunan, 1971 di-setujukan.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Saya suka menarek perhatian kapada Kepala 104 berhubung dengan Pechahan-kepala 1 ia-itu berhubung dengan kemudahan² riadah dan juga Kepala 4. Saya dapati pada keseluruhan peruntokan di-dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan nampak-nya dasar ekonomi baharu kita sekarang ini tidak sangat mementingkan soal² kebangkitan belia di-dalam pembangunan negeri ini. Kerana peruntokan² yang di-beri itu banyak kemudahan² yang penting telah pun di-kurangkan. Pertama sa-kali berhubung dengan kemudahan riadah. Pada pendapat saya kemudahan² riadah amat-lah penting dan perlu bagi belia² kita daripada belasan tahun hingga meningkat kapada dewasa. Kerana dengan kechergasan otak, atau kekuatan jiwa yang ada pada mereka itu akan menjadi sa-bagai panglima dan pahlawan bagi maju mara ka-hadapan di-dalam pembenaan ekonomi negara ini pada masa hadapan. Tetapi yang saya dapati pada token vote sahaja hanya \$10 sahaja tetapi tidak di-adakan peruntokan yang penting. Saya berseru kapada Menteri yang berkenaan supaya dapat berikhtiar bersungguh² apa-kah jenis riadah yang perlu di-berikan kapada pemuda² Malaysia, yang semangat Malaysia ini untok pembangunan ra'ayat Malaysia dan negara Malaysia pada masa hadapan. Kerana saya dapat tahu segala kemudahan² riadah yang di-jalankan oleh belia² melalui persatuan²-nya ada-lah dengan melalui derma² dan ihsan belas dari pehak² penderma sahaja. Tetapi tidak daripada inisiatif atau daya yang utama kapada Kementerian yang berkenaan.

Perkara yang kedua ia-lah perkara Pusat Pelbagai-guna Negeri ia-itu Pechahan-kepala 4. Di-sini di-dapati peruntokan yang di-luluskan di-dalam anggaran sementara \$200,000 dan sa-chara langsung \$300,000. Jumlah peruntokan pada tahun 1971 ini \$500,000.

Di-Perlis amat bertuah sa-kali dan pehak saya menarek kesempatan menguchapkan berbanyak² terima kaseh kapada Kementerian yang berkenaan yang telah mengadakan Pusat Pelbagai-guna. Perbuatan yang lalu yang telah di-gunakan untok berbagai² Jabatan Kerajaan dan juga termasuk belia dan juga yang sentiasa di-adakan jamuan² rasmi dan juga pemeran² oleh berbagai² Jabatan.

Tetapi apa yang saya dapati bahawa bangunan itu tidak-lah menchukopi untok di-tempatkan badan² sukarela yang lain dan juga untok di-tempatkan asrama² bagi belia² yang berkunjong ka-negeri Perlis. Jadi saya berseru Kementerian yang berkenaan ini supaya wang yang sa-banyak \$500,000 itu supaya di-pergunakan untok melengkapkan sa-buah Pusat Pelbagai-guna yang sedia ada itu supaya dapat memberi faedah kapada badan² sukarela lain termasuk St John Ambulance, Scout dan lain² badan sukarela, bukan sahaja terhadap badan beliau atau pun youth clubs sahaja dan di-samping itu supaya dapat pehak Kementerian ini mengadakan beberapa tempat mendirikan asrama atau tempat tinggal sementara untok belia² yang datang daripada luar negeri melawat negeri Perlis, kerana ma'alum-lah negeri Perlis ini sa-buah negeri Pelanchong yang sentiasa di-kunjongi oleh pelanchong² bukan sahaja orang dewasa tetapi pemuda² dan belia². Jadi bagi negeri Perlis ini tidak ada tempat² tinggal yang sempurna yang dapat melayan mereka itu maka Pusat Kebudayaan ini-lah harus di-gunakan untok para pelanchong dan juga belia yang datang daripada luar negeri.

Sekian-lah, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, chuma 3 perkara saya hendak menyentoh berkenaan dengan penggunaan dewan atau Pusat Serbaguna Belia.

Yang pertama, kita sekarang ini hendak chuba menukar chorak pemikiran orang² Melayu dari segi ekonomi dan lain²-nya supaya mereka bersaimbang dengan keadaan orang² yang bukan Melayu. Di-sini saya rasa dalam menjalankan usaha Kerajaan dan lain²-nya mesti-lah kita akan menukar chorak pemikiran ia-itu pemikiran pada nilai dengan materialistic value. Jadi dengan kerana barangkali satu hari kelak dengan banyak-nya kita mendesak pemuda² kita chuma memikirkan perkara nilai atau

value kebendaan atau materialistic, barangkali boleh jadi juga kebudayaan, kesenian, keugamaan, kesopanan orang² Melayu kita akan menjadi burok seperti buku yang dinamakan "Ugly American" boleh jadi, orang Melayu jadi "Ugly Malay". Jadi saya berharap sangat-lah bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memperkuat lagi tenaga-nya atas mengadakan kursus² kebudayaan, kesenian, keugamaan dan lain²-nya supaya jangan kita nanti rugi pula value yang kita, orang Melayu sekarang sangat membanggakan.

Yang kedua-nya, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan kursus² kemahiran yang patut di-anjarkan oleh Kementerian ini dalam Pusat Serba-guna ini ia-itu berkenaan dengan kemahiran bagi orang muda yang datang atau pindah daripada kampung ka-dalam bandar. Banyak-lah Pemuda² yang datang ka-bandar sekarang ini dan juga pada masa akan datang, ia-itu terutama sa-kali pemuda² akan di-anchami oleh perkara² yang kita mesti kita elakkan, ia-itu sa-bagai anchaman sabersif, bukan dari segi akhlak sahaja tetapi juga dari segi ugama. Ini sangat-lah penting dan di-harapkan Kementerian ini akan menggalakkan atau pun dipaksa pengilang² dan industry² yang lain apabila mengambil orang Melayu bekerja dari kampung ka-bandar mesti-lah mereka itu menghadziri kursus 3 jam sa-minggu barangkali yang di-anjarkan oleh Kementerian ini dari segi kemahiran. Tuan Pengerusi, chuma 3 bulan sahaja, dan ini bukan sahaja memberi faedah kepada pemuda-pemudi, tetapi juga memberi faedah kepada pengilang² sendiri.

Perkara yang ke-tiga, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan sokan patut digalakkan sentiasa, bukan sahaja bagi orang Melayu tetapi bangsa lain juga supaya dari segi sokan ini boleh kita mencapai perpaduan, persefahaman dan lain-nya dengan itu memperkuat lagi batu asas Malaysia sendiri. Terima kaseh.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan Pechahan-kepala 5 ia-itu Pusat² Latehan Belia. Tentu-lah sa-kali Pusat² ini ia-lah untuk mendidek, membentok belia² kita menjadi orang² yang berguna. Tetapi di-samping itu saya fikir elok benar-lah Kementerian yang berkenaan ini mengadakan satu co-ordinasi dengan Kementerian lain yang berkenaan

oleh kerana berleluasa-nya di-negara kita ini sekarang ini, filem², istimewa-nya filem² sex yang sekarang ini, sedang di-tunjukkan di-Kuala Lumpur, bukan di-satu panggong, dua panggong, bahkan tiga, empat panggong, maka ini tentu-lah tidak akan membantu membentok moral pemuda² kita di-dalam menjadi manusia² yang berdidikasi kepada negara. Jadi saya fikir elok benar-lah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini meminta kerjasama daripada Kementerian lain yang berkenaan supaya filem² yang berunsor merosakkan akhlak kita di-tahan supaya tidak di-tayangkan di-dalam negara ini.

Yang kedua, Pechahan-kepala 7 Muzium Negara. Pada minggu sudah kita telah membathkan banyak wang negara kita dibelanjakan bagi nadiah² kepada pelawat² agong yang datang daripada luar negeri. Jadi sa-bagai orang berubi kita berbatas, kita berbudi orang membalas, tentu-lah banyak pula hadiah² yang di-sampaikan ka-negara kita ini oleh pelawat² itu. Tetapi saya tidak tahu sama ada itu hadiah menjadi milek negara-kah atau menjadi milek orang yang menerima-nya, itu saya kurang jelas. Tetapi kalau-lah dia menjadi milek negara, amat-lah baik! Jika hadiah² yang chantek², yang indah² dan kemas itu di-pamirkan di-dalam Muzium kita supaya orang ramai tahu wang yang dibayarkan untuk hadiah² kepada VIPs yang datang daripada luar negeri itu mendapat balasan dan dapat-lah ia menjamu mata-nya. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dalam tajok ini saya berharap sunggoh² Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dapat memainkan peranan yang utama sa-kali mengembelinkan usaha belia yang berdisiplin 3/4 tenaga di-seluruh negara kita hari ini dan besok yang berkehendakkan kepada tenaga belia untuk menjayakan ranchangan ekonomi baharu. Kementerian ini harus menyusun samula dasar memberi pelajaran dan pendidikan kepada belia² kita. Pakar² belia daripada kalangan antarabangsa boleh di-datangkan ka-negeri ini untuk menyusun masharakat belia, menolong menyusum masharakat belia kita. Saya tahu Bangsa² Bersatu dapat mengatorkan hal ini kerana ini ada-lah menjadi peranan yang penting di-kalangan Bangsa² Bersatu dalam menolong negara² yang baharu munchol sa-bagai Malaysia ini. Saya berharap padangan saya ini akan mendapat perhatian Kementerian. Terima kaseh.

Dr A. Soorian (Port Dickson): (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, as we are aware, the overriding objective in our Second Malaysia Plan is national unity and in view of this, would not the Ministry consider making multi-racial certain clubs and youth organisations that have a strikingly communal slant? As has been seen, such communal youth clubs tend to aggravate chauvinistic tendencies and do not augur well in a multi-racial society. If we are to understand each other, then we must not pit race against race but amalgamate the races into one homogeneous entity.

Secondly, in my constituency, for instance, in Port Dickson, there are a good number of estates, kampongs and villages and since unemployment is very high, there is a lot of time for these people to play around. But, unfortunately, there are not enough playing fields to play around. So, if the Ministry of Culture, Youth and Sports would take an interest in this and provide more facilities for sports, I think it would be doing well to keep at least these unemployed happy while they are waiting for replies from the Employment Exchange.

Thirdly, we need a population that can stand up to the demands of our modern society. Especially since the communist threat is a reality, we need to have people among us who are firm in body and mind to combat this; and in view of this, I hope the Ministry will take steps to keep at least the unemployed occupied and those who are employed to keep them fit. Thank you.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan (Kapar): Tuan Pengerusi, saya suka menyentoh kepada Pechahan-kepala 7—Muzium Negara di-mana peruntukan \$10,000 telah di-beri. Saya suka menhadangkan ia itu tempat kediaman Perdana Menteri yang ada di-Jalan Dato' Onn itu di-jadikan satu muzium kecil seperti mansion² yang kita dapat di-England dan juga di-Eropah, oleh kerana saya rasa negeri kita ini sangat-lah kekurangan berkenaan dengan bangunan² yang bersejarah, dan ini akan memberi satu penarekan pelanchong². Jadi itu sahaja chadangan saya berkenaan dengan perkara ini. Terima kaseh.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan untuk memberi jawapan kepada perkara² yang di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat berkenaan dengan peruntukan yang

telah di-chadangkan bagi Kementerian saya. Saya suka menyentoh di-atas tegoran Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson menyatakannya bahawa pertubohan² belia patut-lah mengandongi belia² daripada berbagai² kaum. Saya suka memberi penjelasan di-sini bahawa tiap² pergerakan belia di-negara ini ada-lah mempunyai Perlembagaan (Constitution) yang membenarkan belia² daripada berbagai kaum supaya memasoki pergerakan atau pun pertubohan² belia sa-bagai ahli. Tetapi malang-nya sa-lama ini kebanyakan belia² yang memasoki pergerakan² belia ada-lah kebanyakan-nya daripada satu kaum dalam pada berbagai² perkara galakan telah di-buat supaya menyuruh belia² daripada kaum yang lain juga memasoki pergerakan² belia sa-bagai ahli. Dalam pada itu saya suka memberi jaminan bahawa Kementerian saya ada-lah menchari segala jalan, segala ikhtiar supaya boleh menggalakkan lebeh² ramai lagi belia² daripada berbagai² kaum supaya memasoki pergerakan² belia kerana pehak Kerajaan sedar bahawa ra'ayat negara ini pada masa mereka di-perengkat umur yang penting di-antara 21 di-bawah ada-lah perlu, mustahak di-galakan berchampur-gaul perlu di-galakan mengadakan berbagai² aktiviti ranchangan bersama² bertukar² fikiran supaya mereka dapat menanam perasaan saling-mengerti, perasaan sa-faham, perasaan muhibbah pada masa mereka itu di-perengkat maseh muda lagi umur 15 hingga 21 tahun. Kami sedar, Tuan Pengerusi, bahawa kalau sa-kira-nya orang muda di-perengkat yang saya katakan penting tadi tidak di-galakkan berchampur, tidak di-galakkan mengadakan berbagai² ranchangan aktiviti bersama², maka apabila mereka menengkat umur dewasa, maka tentu payah bagi mereka itu mempunyai understanding atau pun persefahaman mempunyai perasaan saling-menerti antara satu dengan lain.

Tentang kekurangan padang sokan yang di-bangkitkan juga Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson, saya suka menyatakan bahawa ini ada-lah satu masaalah yang di-hadapi terutama-nya di-kawasan² bandar dan juga di-kawasan luar bandar. Perkara ini ada-lah perkara yang rumit dan ada-lah di-dalam kajian jangka panjang Kementerian saya dan saya berharap dalam masa yang ka-hadapan ini lebeh² banyak lagi padang² permainan akan

di-adakan sa-lepas kita ada kerjasama di antara Kementerian dan pehak² Kerajaan Negeri dan majlis² atau badan² lain yang juga bertanggung-jawab dalam perkara mengadakan tanah bagi permainan.

Ahli Yang Berhormat dari Rawang tadi menyebutkan berkenaan dengan perlu-nya kita mengadakan kursus kebudayaan dan kesenian. Ini ada-lah di-aku² juga oleh pehak Kerajaan, pehak Kementerian saya sa-bagai penting dan dengan kerana ini kita telah menhadangkan supaya mengadakan Konggres Kebudayaan dan Kesenian daripada 16hb Ogos sampai 21hb Ogos dalam mana kita mengkaji berbagai perkara² berkaitan dengan kesenian dan kebudayaan dan sa-lepas daripada itu kita berharap mengadakan juga kursus², seminar² yang lebeh mendalam lagi, sa-bagaimana yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rawang itu supaya dengan kita mengadakan lebeh² banyak lagi kursus, seminar di-bidang kebudayaan kita dapat bukan sahaja memupok, tetapi memajukan kebudayaan kita yang kita telah pusakai daripada dato' nenek kita.

Tentang kursus kemahiran yang dibangkitkan juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Rawang tadi, saya suka menyatakan perkara ini ada-lah yang sa-benar-nya dalam urusan Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat. Tetapi dalam pada itu juga saya pun suka-lah menyatakan di-sini bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan ada juga berkenaan dengan perkara ini dan ada-lah merancang supaya Pusat² Latehan Kemahiran (Vocational Training Centres) yang di-selenggarakan oleh Kementerian ini akan dapat di-perbesarkan lagi dari segi ramai bilangan pelateh² atau pun orang² yang di-lateh di-masoki, tetapi juga akan di-perbesarkan dari segi perkara² yang akan menjadi perkara latehan kemahiran di-pusat² yang tersebut.

Tentang perkara gambar² sex yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan tadi, saya suka menyatakan bahawa perkara penapisan filem di-pang-gong² wayang itu bukan-lah sa-benar-nya tanggong-jawab Kementerian saya. Ini adalah tanggong-jawab Kementerian yang lain dan saya perchaya-lah Kerajaan, Kementerian yang berkenaan itu ada-lah sentiasa memerhatikan perkara² pertunjukan penayangan gambar² yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi boleh merosakkan akhlak, moral ra'ayat² khas-nya belia² dan

saya perchaya Badan Penapisan atau Lembaga Penapis Filem yang di-uruskan oleh Kementerian yang berkenaan ada-lah sentiasa menapis filem² yang akan di-tayangkan di-pangong² wayang. Dan saya tahu kerana saya pada masa yang lepas ada juga bertanggung-jawab dalam perkara ini; saya tahu bahawa Lembaga Penapis Filem ini ada-lah sentiasa memerhatikan, menyemak, mengkaji segala filem yang akan di-tayangkan di-pangong² wayang dan ada-lah sentiasa melarang di-tayangkan gambar² atau bahagian² gambar, atau filem yang di-fikirkan akan merosakkan akhlak, atau pun moral ra'ayat² dalam negara ini, khas-nya belia².

Tentang hadiah yang di-beri kepada pembesar² patut di-pamirkan itu, saya kurang jelas atas tujuan chadangkan Ahli Yang Berhormat. Perkara ini kalau berlaku, saya rasa, bukan-lah perkara di-dalam jagaan Kementerian saya.

Saya tahu memang ada Surat Pekeliling Perbendaharaan, Treasury, mengatakan segala hadiah² yang di-terima oleh pembesar², atau pun Pegawai² Kerajaan yang di-beri oleh pembesar² daripada lain² negeri mesti-lah di-serahkan kepada pehak Kerajaan dan kalau sa-kira-nya di-kehendaki di-simpan oleh orang yang menerima hadiah itu, maka perlu-lah pehak yang berkenaan itu meminta kebenaran daripada Kerajaan atau pun Treasury sa-belum mereka boleh menyimpan sa-suatu hadiah yang di-beri oleh pembesar² atau pun Kerajaan² di-luar negeri.

Tentang chadangan Ahli Yang Berhormat dari Kapar supaya rumah atau pun tempat kediaman bekas Perdana Menteri itu dijadikan sa-buah bangunan muzium. Ini kalau ta' salah, ada chadangan sa-macham ini telah di-buat kepada Yang Teramat Mulia Tunku, bebas Perdana Menteri, tetapi beliau sendiri telah menolak chadangan ini. Pada pendapat beliau tidak mustahak-lah bagi rumah itu di-jadikan satu muzium, khas-nya untuk mengenangkan jasa² beliau pada masa beliau berkhidmat sa-bagai Perdana Menteri dalam negara ini. Chadangan sa-macham ini saya tahu memang telah di-buat kepada Yang Teramat Mulia Tunku, bebas Perdana Menteri kita.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$822,180 untok Kepala 104 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1971.

Kepala² 105 hingga 111—

Tuan Pengerusi: Saya chadangkan bahawa perbelanjaan yang di-sebutkan dalam Kepala² 105 hingga 111, Anggaran Pembangunan, 1971 di-setuju.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya chuma ada satu sahaja ia-itu di-bawah Kepala 105 ia-itu berkenaan dengan New Village. New Village ini telah di-dirikan di-waktu zaman penjajahan dahulu. Jadi, orang² ini dipindakan ka-dalam New Village di-sebabkan oleh pengganas² kominis; daripada tahun 1948 hingga 1971 sa-inchi pun tidak dapat di-luaskan, tetapi penduduk² di-New Village makin lama makin ramai. Dengan sebab itu mustahak-lah bagi Menteri yang bertanggung-jawab itu daripada tahun 1971 yang akan datang ini di-perluaskan dari sa-tahun kasatahun supaya orang² di-New Village yang bertambah ramai ini dapat tempat kediaman.

Jadi, pada masa sekarang orang² itu dudok berhempit², oleh kerana daripada tahun 1948 sampai sekarang orang² itu sudah ramai di-dalam New Village ini. Jadi, jikalau sa-kira-nya tidak dapat di-luaskan tempat itu, maka saya yakin dan perchaya orang² ini senang sahaja menerima propaganda² daripada kominis, mengatakan Kerajaan Perikatan, atau Kerajaan kita di-dalam tempoh lima tahun ini ada-lah untok membasmi kan kemiskinan dan sa-bagai-nya, maka orang² ini maseh dudok di-dalam bagitu sahaja. Sekian sahaja pandangan saya kapada Menteri yang bertanggung-jawab.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, I would like to speak on the National Institute for Scientific and Industrial Research. Sir, there is paucity of research

Tuan Goh Hock Guan: Head 105, Sub-head 12—National Institute for Scientific and Industrial Research. There is a paucity of scientific and industrial research in this country and I hope that the new Minister would make up for the years of neglect in this field. Some of the areas of research which I would like to recommend to the Minister for consideration would be as follows.

Firstly, I think there should be some research into the state of urban poverty and the state of urban unemployment in most of the big towns and new villages in this country.

Some of the problems have been raised by the Honourable Member who spoke just now, about the problems faced by the new villages. Similarly, Sir, on a much bigger scale in the big towns in Malaysia—Kuala Lumpur, Ipoh, Penang—there has been no research in this field and I think that is absolutely vital.

Secondly, Sir, in the field of the applied use of natural rubber—a point which the Honourable Member for Batu brought up—a point which I had also made long before—we must find new uses for our rubber so that we can create more factories based on the applied use of natural rubber which will give more employment to our people, which will increase the demand for natural rubber and if we should acquire knowledge from our research and we pass it round to the rest of the world, that would also increase the demand for natural rubber.

Thirdly, Sir, the humid tropical climate that we live in. Part of the inertia of our people, part of the weakness of the constitution of our people, arises from the fact that we live in the humid tropical world and scientists have told us that people who live in temperate climate enjoy the advantage of a superior environment and here in Malaysia we are in the midst of the humid tropics and the weather is extremely enervating. I would therefore recommend, Sir, that there should be some studies into the nature of tropical living, into how we could design better houses—especially better low-cost houses—to take into consideration the enervating humid climate of Malaysia, how to get more cooling breeze into your house, how to have a better house so that your people can live slightly more comfortably and therefore they will be able to be more alert and can be more productive the next day.

Tuan Pengerusi: What Head is that?

Then, Sir, we import a lot of toys in this country. I am told that a lot of toys that are imported into this country are highly dangerous instruments because they contain a lot of lead and it is essential that there should be some agency to ensure that every toy that comes into this country has got the stamp of approval that it doesn't contain poisonous lead.

So, now, Sir, I would like to talk about Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi: Kepala?

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Pengerusi, Kepala ia-lah Kepala 106, Page 17.

Tuan Pengerusi: Kepala-kecil Pechahan-kepala?

Tuan Goh Hock Guan: Semua sekali 1-8. Tuan Pengerusi, up to now, Sir, the Master Plan for Kuala Lumpur has been an extremely unsatisfactory blueprint for the development for our Federal Capital City. It has taken, Sir, many decades and a great deal of controversy before the recent Master Plan was prepared and at long last gazetted, after a tremendous amount of criticisms from the public and the Malaysian Institute of Architects. For that one must congratulate the Government. But what one must also hope is that this Plan, which has now been gazetted, by Governments's own admission, is an extremely inadequate Plan, and the only reason for its being passed and gazetted is that you must have some kind of Plan to cater to your immediate applications for development. Well, that is well and good.

The question now is, what do you intend to do henceforth? Are you going to prepare a better Plan than the present very poor one that you have got? I suggest, Sir, that we must do it, because the present one is inadequate. It is hastily done, badly presented, with very poor, with absolutely no reports as to how the findings of that Plan had been arrived at and therefore we must do a better job for this. You could hold a world competition, invite the best Town Planners of the world to prepare a Master Plan for Kuala Lumpur, or you could ask your local chaps here to prepare that Plan, or you could approach the United Nations, the Ford Foundation—one of these people to finance and help in the preparation of this Master Plan so that we have a truly inspiring Federal Capital City of which all of us can be proud of.

Then, Sir, the questions that I want to ask are these. We have spent a great deal of money on the Transportation Study for Kuala Lumpur—I think close to three-quarters million dollars. I want to know what has happened to that study which has been prepared many years ago. Why doesn't the Government publish that study? Then there was the Antolic Report, Sir, prepared again 6 or 7 years ago by the United Nations expert, Antolic. A very good plan was prepared not only for Kuala Lumpur but for the whole of the Klang Valley which includes the town of Klang. Again, that plan was never published. So what is the point of doing a lot of research and getting all these reports down, spending a lot of money, and after that you hide it under the table? For what purpose is that? Sir, perhaps the Minister could enlighten us on that.

So, Sir, finally, the quality of life in most of our local council areas and our town areas is a poor one. The quality of life is poor. And I say, Sir, if you want to build a better civilisation in this country, we must improve the quality of life and to improve the quality of life; not only, Sir, is it important that we should find the jobs and provide the food for the people who live in these areas but we must also provide them with that something extra—a love of their towns, their villages and their cities, which in the end, Sir, contributes to the vital element of patriotism which we will need very badly in the coming years. Thank you very much.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Kepala 105, Pechahan-kepala 12, dan juga Kepala 111, Pechahan-kepala 1, berkenaan dengan Ma'amal Chawangan dan Pusat Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara. Sa-benar-nya banyak-lah perkara² yang hendak di-chakapkan sudah di-chakapkan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat tadi sebab semalam kita mendengar Menteri Perdagangan kita menjawab berkenaan dengan hal getah, dia kata ada-lah mengikut economic theory of demand and supply kerana tidak ada demand maka supply-nya kurang-lah. Jadi kalau-lah Kementerian sudah tahu demand and supply itu merosot kenapa-kah tidak pula di-pertiorikan pula membuat create the market and supply them. Chubalah menyelidekan kegunaan getah dalam perkara² lain dan kita create itu market supaya kita boleh supply?

Yang kedua-nya Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Ma'amal ini—Ma'amal Sains dan sa-bagai-nya patut sa-kali-lah Kementerian yang berkenaan tolong, boleh menolong Menteri Kesihatan sebab banyak ubat² ramuan yang kita remeh²kan, yang kita anggap sa-bagai chara kunu atau pun conservative tetapi dalam prektik telah banyak membeli faedah kepada pesakit². Umpamanya ada jenis aduan yang banyak di-kampung dan jika kita rebus, minum ayernya boleh mengurangkan penyakit darah tinggi. Dan ada pula bijian² yang berjatohan daripada pokok² besar, jika kita makan, kita amalkan atau kita makan sa-tiap pagi sa-belum sa-rapan pagi sa-belum futur itu dapat mengurangkan penyakit kencing manis umpama-nya, dan ini di-kampung² telah di-prektikkan dan telah membawa hasil yang memuaskan. Maka saya chadangkan-lah kepada Ma'amal Sains yang akan di-dirikan ini berusaha menyelidek khasiat² yang ada pada ramuan²; baik yang di-pergunakan oleh sinseh² ia-itu tabib² China mahu pun oleh tabit² Melayu yang di-katakan bomoh² itu, mudahan² dengan penyelidekan yang benar² sa-chara saintifik, barang² ini boleh di-pergunakan dan saya fikir Menteri Kesihatan senang hati sebab dia nanti tidak payah-lah mengimpot ubat² yang mahal dari luar negeri. Sekian, terima kaseh.

Dr A. Soorian (Port Dickson): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, under Subhead 12, National Institute for Scientific and Industrial Research, I like to say a few words. Although there is agricultural diversification in this country, rubber replanting is still carried on. But the Government unfortunately is working at cross purposes. For example, in my State of Negeri Sembilan, the quit rent of land was 50 cents per acre in 1965, but rose to \$6.90 in 1966 and it is now \$11.50 per acre, whereas the rubber prices has plummeted from about 80 cents per pound to about 33 cents per pound after tax reduction. So the land owners, especially the smallholders, have been left with no option but to cut down the maintenance cost of the estates, so much so that the estates are overrun with lalang and belukar. The tenets of good husbandry are involuntarily cast away and productivity is thereby discouraged. Hence, the Government, if it is really out

to help the small holders in their replanting effort should reduce the levy of quit rent because this has been a nominal sum in the past and there has been no reason for it to be raised all of a sudden like this.

Under Subhead 2— Grants for Projects in Town and Local Council Areas, that is on page 16,

Tuan Pengerusi: Kepala?

Dr A. Soorian: Kepala 105, muka 16 dalam buku ini. Some of the local councils, I am afraid, can hardly be said to be representative at all. The classical example of it is the one in Seremban in Negeri Sembilan. Unfortunately, whatever the intentions and purposes of the Council might have been, it does not reflect the racial composition of the State by any stretch of the imagination and this state of affairs, I am afraid, Mr Chairman, is not conducive to the concept of keamanan dan kema'moran. Sir, I would urge the Government to multi-racialise town councils in line with the concept of the Rukunegara. Furthermore, if the representatives are not elected, then staff would be working for a gaji and would not put their life and soul in their work and would not work hand in hand with public in elucidating their problems. So I would like to urge the Government to reconsider the intention to take over the local councils. Thank you.

Menteri Teknologi, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Pengerusi, saya hendak menguchapkan ber-banyak terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang ada mengambil peluang dalam debate Jawatan-kuasa ini berkenaan dengan perbekalan dalam Kementerian saya. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor ada mengambil perhatian tentang orang² yang sekarang ada di-dalam New Village. Tentang perkara ini, saya sangat bersempathi dengan Ahli Yang Berhormat tadi, tetapi malang-nya perkara ini luar daripada kuasa Kementerian saya, kerana perkara ini perkara yang di-pertanggung-jawab oleh negeri².

Lagi Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan ada membangkitkan perkara berkenaan dengan penggunaan getah.

Perkara ini sudah di-binchangkan dalam Dewan ini. Sa-benar-nya perkara ini bukan di-bawah Kementerian saya. Ini sa-benar-nya di-bawah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Saya fikir tentu-lah sahabat saya Menteri itu tentu mengambil perhatian

tentang perkara ini. Bagitu juga perkara yang di-sebut-nya fasal ubat² yang digunakan oleh orang² kampung banyak yang berguna, patut kata-nya di-adakan penyeledekan. Perkara ini pun di-luar daripada Kementerian saya, sebab

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Pengerusi, saya maksudkan mengenai Kementerian itu ada-lah makmal yang di-bawah pentadbiran-nya, Makmal itu, laboratory itu patut menyiasat, mengadakan penyiasatan. Bukan saya maksudkan kepada Kementerian Kesihatan atau Kementerian Perdagangan. Makmal itu yang saya maksudkan. Terima kasih.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, biar-lah saya menerangkan sebagai jawapan bagi pehak rakan saya juga. Di-bawah Kementerian saya memang ada satu institute atau Pusat Penyelidikan berkenaan siasatan². Saya akan arahkan di-siasat perkara itu. Yang Berhormat Menteri yang baharu dan mana yang ta' masuk di-bawah Kementerian-nya, yang belum ada, akan di-timbangkan. Saya akan arahkan penyiasatan itu.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Kita berbath tadi berkenaan Kepala 105 dan ada Pechahan-kepala—Pusat Penyelidikan Sains, maka tidak-kah ubat ini satu daripada chawangan sains, dan tidak-kah pula getah itu satu daripada perusahaan negara. Itu-lah yang menjadi bathan sadikit.

Dato' Ong Kee Hui: Perkara yang kedua ini, Tuan Pengerusi, perkara yang di-luar daripada kuasa saya. Ini tergantung kepada Perdana Menteri sendiri. Saya ta' dapat jawabkan perkara ini.

(*Dengan izin*) With your permission, Sir, I will now continue in English to reply to the other Honourable Members who have made some points on these Estimates.

The Honourable Member for Bungsar referred to the National Institute for Scientific and Industrial Research and suggested that the Institute should go into the question of the state of urban poverty. This is rather a borderline case and I should have to seek advice as to what the precise term of reference of this Institute is, whether it falls under industrial research or does it fall under science. It is very difficult for me to say one way or the other. The other

one was a similar case: he wanted the Institute to go into the nature of tropical living. This may have something to do with health and I don't want to tread on the toes of my colleague, the Minister of Health.

On the question of natural rubber, I have already replied that research is now being done by the Rubber Research Institute, which is now under the Ministry of Commerce and Industry. We do not want to duplicate work which is already being done, but if it is desirable for N.I.S.I.R. to do it, I am sure we will be only too happy to tackle this problem. But as R.R.I. is already doing it, we would prefer for the time being not to duplicate their efforts and let them continue to do it until some day when we might be able to assist in this development.

With regard to the dangerous toys which come into the country, this matter could be looked into. I will see whether the Standards Institution of Malaysia will tackle this problem.

He also referred to the Master Plan for Kuala Lumpur. It is true that this Plan had been prepared, as he said, rather hastily. At that time, there was considerable pressure for a Master Plan to be produced and the decision at that time was that some sort of Plan should be prepared and that a bad Plan was better than no Plan at all, and that is why the Plan has not proved very satisfactory. The Ministry is now engaged in the preparation of another Master Plan and we hope that this will be completed soon.

Tuan Hor Cheok Foon (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Tujuan bertanya-kah?

Tuan Hor Cheok Foon: (*Dengan izin*) Sir, I want to make a remark. Just now the Minister said that a bad plan is better than no plan at all. Does he mean that the Kuala Lumpur Master Plan, which is now being enforced, is a bad Plan?

Dato' Ong Kee Hui: I did not say that, Sir. I said that was the attitude adopted by people at that time—it is better to have a bad Plan than to have no Plan at all. I do not subscribe to the view myself. I think if you want to have a Plan, let us have a good one and not any old Plan.

The other point he raised was concerning two reports which he said had been done. One was, if I am not mistaken, on a study on the transportation system and the other one is a report called the Antolic Report. On this, I am informed that the final reports on both these studies have not yet, in fact, been received. In any case, we are aware of what the recommendations are and some part of the recommendations, in fact, have been gradually implemented.

He also referred to local council areas and said that life is poor in those areas, and that something should be done about it. This may be so, but I am afraid there is a limit to what my Ministry can do in this respect because most of these council areas are outside the actual control of the Ministry and the State Governments have to be consulted and we can only go as far as the State Governments are prepared to go along with us. I think this deals with all that the Honourable Member for Bungsar has brought forward.

Finally, the Honourable Member for Port Dickson also raised the question of quit rent which he said has been raised in many areas, particularly in the towns and also spoke of grants to local councils which, he said, are inadequate and also spoke of the lack of representation of a spectrum of the different races in these Councils and finally asked the Government to re-think again on the taking-over of the Local Authorities. As I have stated before, Sir, I do not want to pre-judge the issue. This matter has still to be debated in the National Council for Local Government and we will have to wait for the outcome of the decision of the National Council for Local Government.

On the question of quit rent, I am afraid that again is a matter outside the province of my Ministry. It is entirely a State matter. Thank you.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$1,550,020 untuk Kepala 105; \$1,500,020 untuk Kepala 106; \$600,000 untuk Kepala 107; \$10 untuk Kepala 109; \$30 untuk Kepala 110 dan \$3,850,090 untuk Kepala 111 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1971.

Kepala² 112 hingga 115—

Tuan Pengerusi: Saya chadangkan bahawa perbelanjaan yang di-sebutkan dalam Kepala² 112 hingga 115, Anggaran Pembangunan, 1971, di-setujukan.

Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman: Saya chuma hendak menyentoh Pechahan-kepala 1 berkenaan dengan Ranchangan Rumah Murah, peruntokan lebeh kurang \$7,000,000. Ini ia-lah berhubung dengan keadaan yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Selangor tadi, keadaan perumahan New Village atau Kampung² Baharu. Dalam kawasan saya sendiri ada 7 kampung baharu daripada Subang, Sungai Buloh, sampai-lah ka-Batang Berjuntai, Kuang, Kundang, Serendah dan Rawang. Di-sana keadaan-nya sangat-lah sedeh dan saya berharap-lah kepada Menteri yang berkenaan ia-itu Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menggunakan separoh daripada peruntokan ini untuk memperbaharui rumah² yang telah di-perbuat di-New Village beberapa puluh tahun yang lepas. Perkara ini bersangkut juga dengan perkara kesihatan yang sekarang keadaan-nya merosot di-New Village dan Kampung Baharu. Jikalau tidak di-atasi sekarang ini maka keadaan New Village mesti-lah akan menimbulkan satu muslihat yang akan juga merosakkan keadaan negara yang sekarang ini kita hendak menchapai kejayaan melalui perpaduan antarabangsa.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya bangun menyentoh sedikit dalam Kepala 115—Polis di-Raja, dan saya akan bangkitkan Pechahan-kepala 2, 3 dan 6.

Ini satu peruntokan yang di-berikan kerana kebajikan anggota² polis kita. Kita sangat berbesar hati atas hasrat ini yang di-berikan oleh Kerajaan kepada anggota polis kita juga yang menjalankan tugas memberi keamanan, keselamatan ra'ayat dalam negeri ini sa-tiap masa dengan keadaan menyabong nyawa.

Tuan Pengerusi, polis kita bukan menghadapi pengganas, gangster, perompak, pemerang wang. Ini saya fikir, Tuan Pengerusi, perkara yang macham ini berjadi hendak-lah Kerajaan basmikan puncha² yang menyebabkan perkara ini. Di-antara perkara² menyebabkan ini, Tuan Pengerusi, satu daripada-nya menurut hemat saya ini-lah tayangan wayang gambar yang pada masa

sekarang lebih lumrah. Tuan Pengerusi, 70 peratus berunsor sex. Dalam Kementerian ini ada Lembaga Penapis Filem, kenapa tidak di-tahan, kenapa tidak di-tegah filem² yang berunsor sex yang berunsor luhah ini.

Tuan Pengerusi, filem wayang gambar ini mendatangkan satu kegelisahan kepada ibu bapa, kepada ahli ugama, kepada pendidikan yang ada dalam negeri ini, dan ini juga . . .

Tuan Pengerusi: Kepala mana Ahli Yang Berhormat fasal filem ini?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Kepala 115, Tuan Pengerusi, Pechahan-kepala 2, 3 dan 6.

Tuan Pengerusi: Pechahan-kepala 2 berkenaan dengan Balai Polis, 3—Balai Polis Besar, 6—Ibu Pejabat Polis dan Rumah², Kemudian di-mana filem masuk itu?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Jadi sekarang kemudian yang kita beri kepada polis dan tugas polis kerana mendatangkan keamanan dan membasmikan perompak.

Tuan Pengerusi: Ini perkara 'am ini perkara prinsip minta tujukan perbahathan untuk service yang di-untokkan di-bawah Pechahan-kepala itu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Ya, jadi bagini, Tuan Pengerusi, ada kaitan²-nya kata filem macham ini tidak boleh di-tengok oleh pemuda² yang di-bawah daripada 18 tahun. Tetapi polis tidak menjalan tindakan bahkan murid² ini juga sampai tiga empat kali menengok tayangan wayang gambar ini. Jadi itu sahaja-lah, Tuan Pengerusi, yang saya harap Kementerian akan mengambil perhatian.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kepala 115, Pechahan-kepala 2 mengenai dengan Balai² Polis Kechil dan Rumah² Malaysia Barat yang di-jumlahkan peruntukan \$1,503,594.

Tuan Pengerusi, apa yang saya maksudkan dengan peruntukan ini ia-itu saya ingin mendapat penegasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada-kah di-dalam peruntukan ini termasuk chadangan mendirikan satu balai polis di-Saberng Barat Kuala Besut ia-itu dalam kawasan saya, kerana saya telah mendapat faham dari pehak yang berkenaan di-dalam negeri Trengganu bahawa balai polis yang di-gunakan sekarang ini di-kawasan ini untuk menyelenggarakan kira² 12 ribu orang penduduk telah pun di-kondem

oleh Jabatan Kerja Raya sejak tiga tahun yang lalu dan keadaan Anggota² Polis yang bertugas di-sini sebab rumah kediaman itu telah di-robohkan chuma tinggal sa-bahagian sahaja untuk di-jadikan Balai Polis Kechil. Maka terpaksa-lah Pegawai² Polis yang ada di-tempat itu sekarang ini di-hantar menumpang di-berek² kosong di-punyai Polis di-Kampong Beres Pak Abu ia-itu kira² 6 batu jauh-nya daripada Kuala Besut tadi. Erti-nya kedudukan rondaan di-kawasan ini yang melibatkan 12 ribu orang ini tidak-lah dapat di-jalankan dengan chukup terator pada masa ini. Dan di-sa'at² yang akhir ini sangat² banyak kejadian² yang mengerikan di-kawasan ini berikutan dengan champor-gaul antara orang dari Kelantan dengan Trengganu duduk di-kawasan di-tepi pantai ini. Jadi dengan sebab itu-lah, Tuan Pengerusi, sa-kira-nya di-dalam peruntukan sa-banyak \$1 juta ini tidak termasuk peruntukan untuk balai polis di-Seberang Barat Kuala Besut, saya terpaksa menyatakan amat dukachita di-dalam Dewan ini kerana saya bimbang, Tuan Pengerusi, kalau² di-akhir tahun ini datang angin yang kuat kerana kedudukan balai polis yang begitu burok sekarang ini terdedah kepada angin, maka akan roboh-lah balai polis itu, maka terkorban-lah Anggota Polis yang berkhidmat di-dalam balai itu. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Pengerusi Kepala 112, Pechahan-kepala 4—Pengambilan Tanah untuk Ranchangan Perumahan. Saya ingin menarek perhatian kepada Kementerian yang berkenaan di-dalam chara² mengambil tanah untuk perumahan ini mesti-lah memikirkan di-atas harga² tanah. Kerap kali-nya, Tuan Pengerusi, tanah yang di-ambil itu di-bayarkan dengan harga yang murah walau pun dia duduk tempat yang baik oleh kerana title reserve Melayu maka harga-nya murah. Maka saya ingin-lah supaya mendapat perhatian daripada Kementerian yang berkenaan di-waktu membeli tanah jangan-lah memikirkan sangat dalam soal grant-nya dan mesti-lah memikirkan kedudukan tanah itu. Sekian.

Tuan Hor Cheok Foon (Damansara): Tuan Yang di-Pertua, I seek your permission to speak in English.

Tuan Pengerusi: Tuan Pengerusi. Sekarang ini dalam Jawatankuasa—Pengerusi, tidak Yang di-Pertua lagi—fasal topi lain sekarang.

Tuan Hor Cheok Foon: I would like to refer to Kepala 112, Bahagian Perumahan.

Tuan Pengerusi: Kepala 112, Pechahan-kepala?

Tuan Hor Cheok Foon: In general.

Tuan Pengerusi: Kena sebut Pechahan-kepala mana² yang tertentu, tetap. Ini perbahathan dalam Jawatankuasa bagitu-lah atoran-nya. Kalau general sangat itu menjadi perbahathan prinsip yang kita sudah lepas.

Tuan Hor Cheok Foon: (*Dengan izin*) Sir, I would like to take this opportunity to put forward some reference in regard to low-cost housing. In the Second Malaysia Plan, I was surprised and was quite shocked that only an amount of \$172 million has been allotted, and in the light of this Budget, if we want to restructure the society as what the Plan claims to be—and I am more familiar with these topics—I would tend to feel that it is like day-dreaming, because how could we have an integrated society with the eventual elimination of identity of race and economic function and in the meanwhile the rural folks are living in the unplanned timber houses and urban population are in more modern buildings; and even now urban population itself lives on the one hand in the properly housed sector and on the other hand in squatters and slum areas. The Budget, has as referred to in the Second Malaysia Plan, as compared to the recent Bill that has been passed in this House, has a provision of \$1,000 million only for the Government servants which comprise of 200,000 Government servants, as compared to our population of 10 million. Well, while we can see that the porportion was not logical at all and to analyse the problem into a further stage, we know that at the moment the country needs about 30% of our population to be rehoused and if we work it out, if 30% of our population needs to be rehoused and if 5 persons would be housed in one unit, say in a flat or in a house, then probably we need a total of 600,000 units, in total, to solve the problem.

Of course when we talk about housing we cannot solve the problem in one year, two years or even 3 years, probably we will take another 20 years to solve it. So, in the long calculation, we have to build something like 1.2 million units in total in 20 years to solve the problem. Therefore, when the cost of these

units of low-cost housing is to be worked out, we may have something like \$300 million to go with, and probably to break it down each year we have to spend roughly \$360 million for a total of 20 years—probably a revolving fund for housing of \$1,980 million in total to solve the problem.

With this calculation, according to the Second Malaysia Plan we will need twenty 5-Year Malaysia Plans, that is to say a total of 100 years, if are to solve the problem at all.

Finally, I would like to remark, the problem is grave and of course we must try our best to look at the problem. Recently the Honourable Deputy Prime Minister visited Singapore and was quite impressed by the work of our neighbouring country and at the same time it was also reported that a full-scale census on housing requirements has been conducted in 1970. In the light of this, I hope that the Honourable Deputy Prime Minister could make full use of the experience in our nearest neighbouring country and probably find solutions to this problem.

Also, finally, on the proposed National Consultative Council for Housing, I personally feel that the inclusion of Menteri² Besar and Chief Ministers in this Council is quite unnecessary because they do not have a clue on housing; and instead I solemnly propose to the Honourable Deputy Prime Minister to set up an active and direct agency comprised of architects, town-planners, builders, sociologists, economists and bankers—probably we could use the same name and let us see that something is done to get this low-cost housing at the national level going.

Tuan Richard Ho Ung Hun (Sitiawan): Tuan Pengerusi, saya suka menyentoh kapada Kepala 115 dan Pechahan-kepala 6 dan 7 berkenaan dengan ada-nya rasuah di-lapisan bawahan kaki-tangan² pejabat² Kerajaan. Tentang masaalah ini, agensi menchegeh rasuah pada masa yang lampau kerap kali di-dengar tegoran² atas-nya, ia itu agensi itu hanya menangkap ikan kecil sahaja sedangkan ikan yang kenyang di-biar bermaharaja-lela. Sama ada tegoran itu berpatutan ada-lah soal yang lain, akan tetapi saya suka menegaskan di-sini bahawa dalam kontek Ranchangan Malaysia Yang Kedua yang merosakkan nama baik Kerajaan yang paling terok di-dalam kesedaran ra'ayat jelata ada-lah ikan kecil itu di-lapisan

bawahan kaki-tangan² Kerajaan. Sebab itu saya suka menhadangkan supaya Pegawai² Polis dapat berhubung erat dengan Pejabat² di-Civil Service supaya rasuah² itu dapat di-kawal. Sampai-lah masa dalam pendapat saya, ia-itu pehak² berkuasa menghentikan perkataan seperti: Berikan saya bukti dan saya akan mengambil tindakan. Itu sa-mata² satu helah sahaja, Tuan Pengerusi, ia-itu satu helah yang lapok dan yang tidak diterima lagi. Masaalah itu hanya di-sapu ka-bawah permaidani. Korupsi dalam pejabat mereka itu mesti di-hapuskan untuk nama baik Kerajaan supaya akhir-nya tindakan itu akan memberi sumbangan kepada perpaduan negara yang akan mendatangkan keperchayaan dari ra'ayat kita yang akhir-nya akan memberi erti dan nilai dalam perbelanjaan yang besar ini. Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Pengerusi, saya suka menyebut ia-itu Kepala 115, Pechahan-kepala 2—Balai² Polis Kechil dan Rumah².

Tuan Pengerusi, saya ingin menarek perhatian berhubung dengan Balai Polis Kechil ini di-mana di-daerah saya, ia-itu di-Dungun, kedudukan Balai Polis Kechil dan juga Ibu Pejabat Polis di-sana terlampau keadaannya tidak memuaskan, burok yang mana rumah², pejabat² ini di-bena oleh penjajah dahulu dan sa-tengah itu di-masa Jepun dahulu dan keadaan sunggoh tidak sesuai dengan masa sekarang. Kalau saya sebutkan bahawa satu tempat yang perlu di-beri chontoh ia-itu di-Balai Polis Kuala Abang, di-Daerah Dungun yang mana balai polis itu sa-rupa-lah macham rumah yang tidak memuaskan, terlampau tidak memuaskan ia-itu rumah kedai kechil sahaja dan di-situ-lah Balai Polis Kechil dudok dan menerima report. Sa-lain daripada itu Polis di-situ sendiri dudok di-situ.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya harap ini diambil perhatian oleh pehak Kerajaan tambahan pula di-tempat itu kabar² angin mengatakan bahawa di-situ akan di-ranchangkan untuk kompleks pelanchong. Jadi sa-kira-nya demikian maka sunggoh memalukan keadaan kedudukan balai polis yang seperti itu, demikian juga di-tempat² lain di-Daerah Dungun.

Satu lagi ia-lah Balai Polis—Ibu Pejabat Polis sendiri bagi Daerah Dungun yang sunggoh tidak sesuai kerana keadaan-nya sudah-lah lantai burok, dinding itu pun

burok chuma chat sahaja baharu. Jadi sa-baik-nya untuk menyesuaikan dengan keadaan sekarang harus di-ambil perhatian.

Sa-lain daripada itu berkenaan dengan berek atau pun rumah yang menjadi tempat tinggal polis yang berkhidmat di-tempat² yang berkenaan itu pun sunggoh mendukachitakan. Kerana berek-nya terlampau kechil yang kalau kira dalam 50 tahun yang lalu tentu-lah itu sudah besar, tetapi kalau dengan keadaan sekarang di-mana orang sekarang sudah biasa memakai motosikal Honda atau pun pandai pula pakai basikal jadi keadaan tempat tinggal seperti itu terlampau kechil dan tidak memuaskan, apatah lagi kalau ada mempunyai anak yang lebeh banyak sedikit yang tidak menggunakan ranchangan² untuk mengurangkan anak. Jadi jika demikian jadi menyusahkan lagi famili tersebut. Jadi saya harap mendapat perhatian dari pehak Kementerian yang berkenaan.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Kepala 115, Pechahan-kepala 7. Ranchangan ekonomi kita akan lebeh berjaya dengan pesat dan chepat kalau keadaan negara kita tidak lagi di-ancham oleh kominis kita sakit kalau-lah kita di-ugut² oleh sa-bilangan kechil pengganas² dari di-seberang sempadan² Thai dan Sarawak. Dari itu pengalaman yang harus saya nyatakan di-sini ia-itu Kerajaan harus memberi layanan yang baik terhadap mereka yang memberi rahsia kepada Kerajaan di-mana tempat² pengganas² bersembunyi atau tersua maka kita tidak mahu mendengar lagi cherita orang² kampung di-ugut dan di-gertak² kerana tujuan mereka hendak menyampaikan berita atau pun rahsia kepada Kerajaan. Kalau orang² kampung memberi rahsia pun salah, tidak memberi rahsia pun merbahaya. Saya, penyusunan chara² yang lebeh memikat hati orang² kampung harus di-buat oleh Kerajaan. Apa kata kalau sa-kira-nya orang² kampung tidak mahu bekerjasama dengan Kerajaan bagi menyampaikan ma'alumat yang berguna, kadang-kala memberi ma'alumat kepada tentera pun salah, memberi tahu Polis pun tidak ada apa² tindakan yang di-ambil. Dengan ini menjadikan ra'ayat tidak tahu di-mana tempat hendak-nya meletakkan keperchayaan. Terima kaseh.

Dr Chen Man Hin: Tuan Pengerusi, dengan izin, di-bawah Kepala 112, Pechahan-kepala 9, Housing and Urban Development.

(*Dengan izin*) I think there is some attempt to rationalise housing development in this country by having this Department. As we know, the other Sub-heads here contain so many various housing schemes that one is at quite a loss as to see what purpose is served and whether the amount of money spent is well spent on the proper projects. Be that as it may, this National Consultative Council on Housing, I think, is a good idea provided it firstly attempts to analyse the housing shortage situation in this country as has been put forward by my colleague from Damansara.

I would like also to reiterate the crying need of the people for low-cost housing, poor people for low-cost housing. I am sure the Honourable Deputy Prime Minister in the course of his tour of the country will drop in to various towns and villages and see this need for housing. Of course, it may be that while he visits big towns, the Alliance Party men there may be showing the good side of the town but not the other side of the town. Of course, if he wants to see the more under-privileged areas, the Opposition parties would be glad to show him.

There is another point about this housing. Besides fulfilling the need for housing, I think there is also the question of unemployment. The provision of \$100 million for the Five-Year Second Malaysia Plan, I think, is very, very inadequate. I would, if I could,—but I do not think I can—suggest that this amount be multiplied many times not only to provide housing, but also because housing can provide more employment and there is a crying need for employment in the urban areas. I think if we inject more capital into urban areas for development of houses, it may well help to solve this unemployment problem in this country. Therefore, I recommend for the earnest consideration of the Honourable Deputy Prime Minister that he multiply many, many times the amount allocated for housing and urban development.

Tuan Sulaiman bin Bulon (Bagan Datoh): Tuan Pengerusi, saya hendak mengemukakan Kepala 112, Kepala-kecil 1. Di-dalam atau pun sa-belum pilihanraya dahulu kita ada mempunyai ranchangan kilat perumahan. Di-dalam ranchangan kilat ini kawasan saya

telah pun di-pertimbangkan untok mendapatkan dua ranchangan perumahan—satu di-Bagan Datoh dan satu di-Hutan Melintang. Tetapi-nya sa-lepas itu pun sa-belum pilihanraya ranchangan ini tidak nampak di-jalankan. Jadi nampak-nya di-sini ada peruntukan yang banyak lagi dan saya terpaksa meminta penjelasan di-sini, sunggoh pun saya boleh berjumpa dengan Menteri tetapi sebab-nya soal ini sudah menjadi satu daripada kejayaan pilihanraya dalam kawasan saya, jadi patut-lah di-umumkan di-sini sama ada ranchangan ini di-tolak atau pun hendak di-laksanakan dengan peruntukan yang ada ini.

Lagi satu saya hendak menyentoh Kepala 115 Pechahan-kepala Kechil 14 ia-itu Rumah Kediaman Polis ma'ana-nya di-sini barangkali Rumah Berek Polis. Di-tengah² bandar Telok Anson ada berek polis yang menjadikan satu kawasan sesak di-tengah² bandar itu. Jadi nampak-nya kalau peruntukan ini ada, mungkin ada, saya juga meminta supaya Menteri yang berkenaan dapat menjelaskan sama ada berek akan di-musnahkan atau pun tidak atau pun di-pindahkan ka-tempat baharu yang sedia ada hendak-lah juga saya fikirkan di-sebutkan melalui Dewan ini kerana nampak-nya di-situ seperti mana yang saya kata tadi kawasan sesak, orang hendak menjaja di-situ, berniaga pun di-situ, dan perempuan² polis hendak lalu-lalang hendak melintas pun di-situ, nampak-nya tidak-lah baik yang berek ini di-tempatkan di-tengah² bandar Telok Anson itu sedangkan tempat dan site bagi rumah polis ini ada dan patut-lah di-jalankan dengan sa-berapa segera. Itu-lah sahaja pendapat saya dalam bahagian ini.

Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I would just like to raise two matters under Head 115, Royal Malaysia Police. Firstly, we have got a

Tuan Pengerusi: Can you say which particular Subhead or Kepala-kecil?

Tuan Lim Cho Hock: Head 115, Royal Malaysia Police.

Tuan Pengerusi: I mean, which particular Subhead you are touching on?

Tuan Lim Cho Hock: I would touch more or less on most of the items.

Tuan Pengerusi: Yes, which are the items?

Tuan Lim Cho Hock: Items numbers 2, 3 and 4.

Tuan Pengerusi: Because you cannot engage yourself in a general debate.

Tuan Lim Cho Hock: Yes, Sir, I know that.

Tuan Pengerusi: You have got to touch on any particular item of the Estimates.

Tuan Lim Cho Hock: Sir, the first point is that we have got a lot of Police check-points all over the country and the purpose of these check-points, perhaps, is to cut down crimes and to check on bad-hats, and so on. However, what I want to say is that these check-points constitute a hazard to the road users because particularly during the night these check-points are not adequately and properly illuminated by lights, so that motor-vehicles approaching these check-points may not be able to see that there are, in fact, check-points ahead, and I understand that in the past some of these check-points have been rammed by motor-vehicles and some of the Policemen manning the check-points have been killed unnecessarily. So I hope the Government will look into this matter.

The second point is that in Perak lately the Police have more or less launched a campaign to check motor-vehicles for mechanical faults or defects and invariably the Police have detained these vehicles if they found that there have been mechanical faults in the vehicles, and the Police would then call in the R.I.M.V. to come to their office to check the vehicles to confirm that they have, in fact, mechanical defects. Mr Chairman, Sir, most of these vehicles are lorries, buses, bus² sekolah and so on, and the owners of these vehicles incur a great loss if their vehicles have been unnecessarily detained by the Police and some of these lorries carry vegetables, perishable goods, and so on, and if they are detained overnight these goods tend to perish and the owners would incur a great loss. With regard to the bus² sekolah, sometimes these vehicles were detained during the day time.

Tuan Pengerusi: I am afraid you are going beyond the limit of the debate allowed in Committee, Honourable Member!

Tuan Lim Cho Hock: I see. But I just like to wind up.

Tuan Pengerusi: You should confine to whatever item you want to comment on.

Tuan Lim Cho Hock: I hope the Police will use more discretion in these cases so that no undue hardship is caused to the innocent people, particularly the school children. Thank you.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): *(Dengan izin)* Tuan Pengerusi, I refer to Head 115, Sub-head 65—namely, Police Dog Unit. In view of the vast increase in crimes like robberies, thefts, etc., in many parts of Malaysia, I feel that the Police Dog Unit should be extended to all important towns in Malaysia like, for instance, Ipoh, and not merely concentrated in Kuala Lumpur. This unit serves a very important purpose in the arrest of criminals soon after the offence and the presence of these Police Dog Units would deter criminals from attempting such offences. I, therefore, would suggest that the Ministry concerned pay a little more attention to employing more Police Dog Units in the various towns of Malaysia, including Ipoh. Thank you, Sir.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan:

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh kepada Kepala 112, Pechahan-kepala 4—Pengambilan Tanah untuk Ranchangan Perumahan. Jadi, di-sini saya suka memberi pandangan oleh sebab harga tanah sa-makin hari sa-makin naik. Jadi elok bagi Kerajaan untuk membeli tanah pada masa sekarang ini, sunggoh pun projek itu akan di-bena dalam tahun 1975 atau pun 1976 atau sa-lepas itu. Jadi ini atas pengalaman saya sendiri sa-masa saya menjadi Pengarah J.K.R. dahulu.

Kedua-nya, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Kepala 113, Pechahan-kepala 3—Penjara Pusat, Kajang, di-mana token vote sahaja \$10 telah di-beri pada tahun ini. Apa yang telah di-perhatikan pada masa² yang lampau banyak bangunan² yang istimewa di-dirikan atas tapak yang di-pilih mengikut sesuka hati sa-saorang yang berkuasa dan tidak pula mengikut nasihat² yang di-kaji yang di-sokong oleh pehak² berkenaan. Dengan hal yang demikian perbelanjaan yang banyak telah digunakan. Jadi di-sini memandangkan bandar Kuala Lumpur akan bertambah maju dan besar dan harus akan berchantum dengan pekan Kajang dalam 10 tahun atau lebeh. Kedudukan penjara ini akan tidak sesuai dalam kalangan masyarakat kita. Saya harap

Kerajaan dapat mengkaji balek dan menimbangkan supaya penjara ini di-bena di-tempat lain yang sesuai seperti Kuala Kubu dimana kita semua tahu pekan Kuala Kubu itu akan mati jika sa-kira-nya tidak ada kita mengadakan apa² kemajuan di-situ. Jadi sa-takat ini-lah sahaja, Tuan Pengerusi, dan akan dapat pandangan dari Kerajaan tentang dua perkara ini.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I just have four items to raise. The first one, Sir, is on Low Cost Housing, Kepala 112 Sub-head 1. Sir, I am a little bit curious as to why the Section concerning Low Cost Housing is now transferred to the Ministry of Home Affairs and not under the Ministry of Local Government. It seems to me that these two Ministries are totally unrelated. Low Cost Housing used to come under the Ministry of Local Government, but now it has come under the Ministry of Home Affairs. Furthermore, Sir, on the question of Low Cost Housing, I see that under the First Malaysia Plan we allocated a sum of \$188.1 million and now we are only allocating \$171.9 million. There seems to be a reduction and this is very strange when the population is going up and not going down.

Secondly, Sir, we built only 22,522 units of low-cost housing in that five-year period. This, Sir, is grossly inadequate because my estimate is that we would need at least 50,000 units of low-cost houses per year. So in five years we need something like 250,000 units, not just 22,000 units. Furthermore, Sir, I hope the Government will not launch once again into the industrialised housing system, which was so disastrously put into practice by the previous Honourable Minister of Local Government and Housing. It is very disastrous because it is not labour-intensive and has proved to be even more costly than the conventional system of building construction.

I would now come to Kepala 115, Sub-head 9, on the Federal Reserve Unit. Sir, we all know that the Federal Reserve Unit has done a tremendously good job, especially during the May 13 riots. It is my hope that the F.R.U. could be expanded so that in all future cases of civilian incidents the F.R.U. could go into action.

Then there is Sub-head 11, on the Special Branch. Now, Sir, the Prime Minister informed us—this I find rather disturbing—that the People's Republic of China seems to know more about what is going on in this country, which disturbs me a great deal. Are we to interpret from that that all kinds of special agents from that country are loitering all over this place? I find that extremely disturbing. I know that there are always a few of them behind me—the Special Branch chaps that is—to keep me company, which I rather appreciate and I must thank the Government for that.

I will now come to the last item, Sir, and that is Kepala 112, Sub-head 9 on Housing and Urban Development. Now, Sir, if I may make an observation—this is on the F.L.D.A. Schemes, but in a sense this has got a lot to do with our urbanisation programme—I believe, Sir, that one of the failures of the F.L.D.A. Schemes is the fact that the physical planning of the houses for these settlers has been very badly done, in the sense that here you are transporting big numbers of your population into the heart of the jungle—I mean, that is bad enough to take them into the heart of the jungle—and then you plan your housing settlements in a very scattered manner so that the houses are all scattered far apart; and I think that does not create the sense of “community” which is very essential for people who live in the heart of the jungle. I think this is where one must really urbanise your F.L.D.A. Schemes. The Honourable Member

Tuan Musa bin Hitam (Segamat Utara): Tuan Pengerusi, saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Bungsar itu kalau hendak berchakap fasal F.L.D.A. boleh-lah tunggu apabila kita bahathkan berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Perumahan dalam F.L.D.A. Scheme tidak termasuk dalam Kementerian yang sedang di-binchangkan sekarang.

Tuan Pengerusi: Betul.

Tuan Goh Hock Guan: Thank you very much, Mr Chairman. That is all.

Tun Dr Ismail: Saya, kalau dapat persetujuan, Tuan Pengerusi, jawapan ini hendak di-bahagi dua. Saya menjawab separoh dan Timbalan saya menjawab separoh.

Saya hendak menjawab satu perkara ini. Sungguh pun Tuan Pengerusi chuba² tadi hendak menahan, tetapi wakil dari Muar Utara ini di-sebut-nya juga. Jadi, benda itu kalau di-sebut dengan tidak di-sampaikan dengan habis² ada salah faham atas pertanyaan berkenaan wayang gambar ini berma'ana ini-lah perkara yang sangat di-bisek²kan oleh orang ramai, tetapi yang di-sebarkan oleh surat khabar chuma sadikit sahaja dan saya hendak beritahu di-sini ia-lah atas pendirian Kementerian berkenaan tayangan wayang gambar yang di-katakan tadi tidak di-gemari.

Yang pertama ia-itu Censor Board ini di-bawah Kementerian Dalam Negeri, tetapi Censor Board ini bebas. Jadi, ma'ana-nya ahli²-nya akan mengkaji filem² yang akan di-tayang dan baharu² ini sudah di-persetujui oleh Kementerian supaya gambar² ini di-bahagi kepada beberapa bahagian, mithal-nya filem "X" yang sekarang ini menjadi perbualan ia-itu ia-lah filem² yang orang² yang menuntun-nya mesti-lah berumur 18 tahun ka-atas. Jadi, baharu² ini Filem Censor telah menayangkan filem² yang telah tadi di-bangkitkan. Jadi, di-sini bagi Kementerian saya, kita chuma memandang public reaction. Di-sini kita berkehendakkan surat khabar, kalau boleh, supaya menggambarkan sambutan orang ramai atas filem yang seperti ini. Memang ada keluar dalam surat khabar *Utusan Malaysia* atas perkara ini, ma'ana-nya tokoh² masharakat Melayu Malaysia, tetapi seperti surat khabar China, surat khabar Inggeris, kita belum dapat tahu lagi apa-kah fahaman mereka itu sa-sudah menyiasat fikiran² orang ramai. Bagi pihak Kementerian saya, bagi censor ini dia ada kuasa kalau kita chuma memerhatikan adakah menyalah-gunakan kuasa dia itu dengan sengaja², atau pun ini chuma perselisihan pendapat dia dengan orang ramai. Kalau mithal perselisihan dia, atas pendapat sahaja di-antara dia dengan orang ramai, itu kita boleh-lah buat satu arahan kepada-nya, jangan-lah di-tayangkan filem yang sa-macham itu. Kalau mithal-nya dia buat dengan sengaja atau dengan beberapa sebab, tindakan yang lebih keras akan di-ambil kepada dia.

Jadi, itu-lah kita meminta, kalau boleh surat khabar memberikan apa pendapat ra'ayat² yang berbilang bangsa dalam negeri ini atas filem ini. Chuma yang kita telah dapat pertahankan ia-itu kanak² tidak boleh

menuntun filem ini. Jadi, atas pendapat orang² yang telah dewasa ada-lah berlainan, mithal-nya pagi semalam saya katakan kita hendak potong ayan itu, ada berbagai² pendapat. Jadi, begitu-lah dalam hal ini. Bukan-lah yang di-tayangkan filem itu ma'ana-nya yang Kementerian saya ada champor tangan—belum lagi. Saya pun belum lagi menuntun gambar² ini dan saya tidak-lah memberi fahaman saya. Itu yang saya hendak memberi keterangan atas pendirian kita.

Yang kedua, atas soal rasuah. Saya sangat-lah dukachita mendengarkan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Sitiawan. Pertama-nya beliau berkata, yang ditangkap-nya ikan kecil, ikan besar lepas. Kalau Ahli Yang Berhormat itu pergi mengail, ikan yang senang di-dapati ia-lah ikan kecil, ikan yang besar itu susah hendak dapat. Begitu-lah chara jalan rasuah ini. Ikan besar ini susah hendak dapat. Itu sebab-nya banyak dapat ikan kecil, tetapi beliau berkata dengan helah, jikalau di-bangkitkan soalan² ini bagi pihak Kerajaan kata-nya bawa specific case, itu sahaja, tetapi sa-balek-nya pula jikalau kita hendak menuduh, semua orang menjadi rasuah. Kalau mithal-nya di-beri kuasa penuh, boleh jadi Ahli Yang Berhormat itu pun di-tarek supaya di-pereksa. Habis beliau ta' suka pula itu. Macham Undang² Keselamatan Dalam Negeri, kita beri kuasa kepada Polis menangkap, tahan 60 hari supaya di-pereksa halus². Kalau mithal-nya kuasa keselamatan dalam negeri itu di-beri kepada Badan Penchegah Rasuah, apa fikiran DAP, ada-kah mereka menyokong. Tentu mereka berkata pula, kuasa seperti itu ada-lah arbitrary. Jadi ini susah-lah DAP ini dia tidak erti apa yang dia hendak. Kalau dia tahu apa yang dia hendak, senang-lah kita bekerjasama dengan dia. Saya pun tidak tahu apa yang dia hendak. Tahu² hendak potong ayam sahaja (*Ketawa*). Jadi, itu-lah sahaja bagi pihak saya dan sa-terusnya Timbalan Menteri akan menjawab-nya.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Pengerusi, dalam jawapan saya, saya mohon izin sa-tengah²-nya terpaksa di-jawab dalam bahasa Inggeris untuk menyenangkan bagi fahaman Ahli² Yang Berhormat pihak DAP. Terlebih dahulu saya chuba menjawab berkenaan dengan tegoran daripada berapa orang Ahli² Yang Berhormat daripada DAP menyentuh berkenaan dengan perumahan.

(Dengan izin) To the Honourable Members from the D.A.P., I suggest the provision for public housing should not be taken in isolation.

In the second Malaysia Plan provision for public housing amounts to \$171.9 million, though this amount appears in the estimates of several Ministries and State Governments. Furthermore, for the Second Malaysia Plan, there is also entered the provision of \$100 million for housing and urban development. It should also be borne in mind that the F.L.D.A. will build another 22,000 units of settlers' houses in land development schemes during the Second Malaysia Plan period, not to mention housing and quarters to be built for Armed Forces, Police personnel and industrial and manual groups. Some State Governments and Development Corporations will also be building public housing with their own funds which are not reflected in the Second Malaysia Plan provision.

All in all, the provision for public housing is quite substantial, having regard to other needs and priorities of the Government. Housing, for the information of the Honourable Members from the D.A.P., is a State subject and therefore the Federal Government is only responsible for housing in the Federal Capital.

The Honourable Members make comparison with Singapore. This comparison, like most comparison, is odious. Have the Honourable Members compared how much money we are spending in other sectors as compared to Singapore? Are they suggesting we follow Singapore's priorities when they say we got our priorities wrong? I submit we have got our priorities right, judging from the unanimous support we received in this House for the Second Malaysia Plan.

The Honourable Members from the D.A.P. also touched on the membership of the National Consultative Council on Housing. We have to include the Menteri² Besar and the Chief Ministers because housing is a State matter in the Constitution. The first meeting was only exploratory in nature and consideration will certainly be given to include professionals and private individuals who are familiar with housing development in the membership of this Council.

Tuan Pengerusi, saya suka menjawab berkenaan dengan soalan yang di-keluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rawang

ia-itu berkenaan dengan rumah² burok dalam kampong² baharu ia-itu new villages, perkara ini ada-lah di-bawah Kerajaan Negeri dan sa-kira-nya ranchangan² ini di-masokkan dalam Ranchangan² Kerajaan Negeri untuk mendapat pertolongan wang atau pun pinjaman wang daripada Kerajaan Pusat yang saya perchaya Kementerian saya—Kementerian Dalam Negeri—akan menyokong untuk perumahan² di-new villages itu.

Ahli Yang Berhormat dari Besut menimbulkan soal sama ada perumahan akan diadakan untuk Anggota² Polis di-Besut. Di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Kedua bagi Kuala Besut, Balai Polis yang baharu akan di-bena dan juga satu kelas F dan 7 kelas G bagi anggota rendah akan di-sediakan dalam Ranchangan Malaysia Kedua ini. Pada masa ini Jabatan Kerja Raya sedang menyediakan plan.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan dengan sebab rumah² berek polis yang burok itu roboh dan terpaksa-lah Pegawai² Polis tinggal jauh daripada Balai Polis sekarang dengan sebab itu keadaan jenayah merebak di-dalam kawasan Besut itu. Pada rekod yang kami terima tidak ada jenayah² yang berlaku di-dalam daerah Besut itu—tidak ada jenayah² yang besar yang telah berlaku sehingga hari ini. Jadi, saya perchaya Ahli Yang Berhormat mendapat penerangan yang salah.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, mengikut satu kes yang telah di-bawa ka-Mahkamah ada kait-mengait dengan apa yang saya chakap tadi. Saya tidak fikir benda ini tidak sampai ma'lumat kepada Ibu Pejabat yang berkenaan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Pengerusi, boleh-kah Ahli Yang Berhormat terangkan apa kes itu? Itu chuma satu kes dalam dua tiga tahun tidak boleh-lah di-katakan banyak kes² merebak di-dalam kawasan itu, dengan sebab itu satu kes, ada-kah Ahli Yang Berhormat itu menyalahkan, kita robohkan berek itu dan bona yang baharu?

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, saya timbulkan tadi berpuncha daripada tidak ada kawalan yang bagitu rapi sejak daripada perpindahan itu berlaku, kalau tidak silap saya tiga kejadian tembak-menembak dan satu daripada-nya menyebabkan yang kena tembak itu mati dan telah di-bawa ka-Mahkamah.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Pengerusi, sa-benar-nya perundaan polis ini sentiasa di-buat. Sunggoh pun Anggota² Polis terpaksa tinggal jauh sedikit daripada Balai Polis, perundaan di-buat seperti biasa juga. Jadi, kejadian yang sa-macam itu kadang² ada kejadian orang² menembak babi di-dalam hutan pun barangkali di-katakan orang di-tembak oleh orang jahat.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, bukan tembakan dalam hutan ini di-dalam bandar.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Pengerusi, saya tidak beri jalan, saya akan sambong ucapan saya kapada soalan² yang di-bangkitkan.

Berkenaan dengan soalan yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut berkenaan dengan Pondok Polis di-Kuala Abang itu, dengan sukachita-nya saya menyatakan pihak Kementerian ini akan membena Pondok Polis itu dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini.

Juga bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu Balai Polis baharu yang di-Dungun akan juga di-bena bersama² dengan Rumah² Pegawai² Polis.

Berkenaan dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh with regard to the Dog Unit, we are extending the Dog Unit service to Ipoh as well as to a few other places like Kedah and Segamat, Johore and some 24 dogs will be bought during this Second Malaysia Plan or within the near future.

Berkenaan dengan mengambil balek tanah kerana buat perumahan yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kapar dan juga oleh Ahli Yang Berhormat kalau tidak silap saya daripada Perlis. Memang Kementerian ini akan mengambil ingatan seperti yang di-shorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kapar itu, tetapi sa-bagai saya ma'alum tadi perumahan² ini ada-lah di-bawah Kerajaan Negeri sa-kira-nya Kerajaan Negeri hendak mengadakan perumahan, maka Kerajaan Negeri-lah yang bertanggungjawab mengambil balek—membeli tanah² yang di-kehendaki itu. Sa-takat yang saya tahu tanah itu di-beli sa-kira-nya ada ranchangan hendak di-buat oleh Kerajaan Negeri.

With regard to the point raised by the Honourable Member for Batu Gajah regarding the check-points not being properly lighted to my knowledge, all the road blocks, especially at night, are well lighted with the red lamps. Of course, there have been some accidents where drivers, probably drunk, knocked against the road blocks including the lighted lamps. With regard to the checking of lorries and other motor-vehicles for mechanical defaults, to check on mechanical defaults, sometimes, as the Honourable Member would appreciate, the policemen on duty on the road block are not qualified mechanically and therefore these vehicles, if they are to be checked, must be taken to experts in either the Police Department or the Road Transport Department and unnecessary delay will be avoided as far as possible.

Tuan Pengerusi, sa-takat itu sahaja-lah penjelasan² yang saya dapat beri bersama² dengan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan saya mohon izin usul ini di-luluskan.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10 untok Kepala 112; \$150,000 untok Kepala 113; \$324,000 untok Kepala 114; dan \$7,917,113 untok Kepala 115 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1971.

Kepala 116—

Tuan Pengerusi: Saya chadangkan bahawa perbelanjaan yang di-sebutkan dalam Kepala 116, Anggaran Pembangunan, 1971 di-setujukan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Ya'kub (Payang): Tuan Pengerusi, saya ingin menyenotoh hanya dua perkara sahaja. Pechahan-kepala 1—Ranchangan Perumahan, ya'ani ranchangan perumahan di-beberapa tempat di-Sarawak ada di-buat perumahan sa-chara sementara sahaja untok pegawai² keselamatan kita. Saya berharap supaya masaalah ini dapat di-kaji dengan chukup teliti, kerana saya rasa masaalah kominis di-negeri Sarawak akan berlanjutan. Jadi ada baik-nya bagi moral dan juga bagi menjimatkan perbelanjaan, rumah yang lebeh baik, lebeh tegap lagi di-dirikan untok kediaman² pegawai² keselamatan kita seperti di-Kanowit. Di-Kanowit, Tuan Pengerusi, beberapa bulan dahulu telah berlaku beberapa tembakan di-mana hampir² beberapa orang pegawai keselamatan itu kena serang,

kena tembak oleh penyamun² kominis dan rumah itu pun tembus kena peluru. Jadi daripada sa-masa ka-samasa oleh kerana rumah itu di-buat daripada kayu yang tidak begitu baik, terpaksa Kerajaan membelanjakan sa-mula serta memperbaiki. Jadi kerana memandang saperti saya sebut tadi, kerana soal di-Sarawak perjuangan penjahat² kominis ini akan berlanjutan elok-lah bagi Kerajaan Pusat menimbang supaya membuat bangunan yang lebih baik dan lebih tegap lagi bagi kediaman² pegawai² keselamatan kita di-tempat² di-luar bandar.

Mengenai Pechahan-kepala 20—Purchase of Aircraft—tentang Pembelian Kapal² Terbang, saya ingin menhadangkan, Tuan Pengerusi, supaya Kementerian ini memberi pertimbangan yang sungguh² serious, menempatkan lebih banyak lagi apabila kapal terbang itu telah di-beli nanti, helikopter Nuri, Alouette mithal-nya di-Sarawak untuk kegunaan pegawai² keselamatan kita pergi daripada satu tempat ka-satu tempat yang lain. Sarawak itu, Tuan Pengerusi, sa-bagai-mana kita sedia ketahui kawasan-nya 48,000 batu persegi luas-nya dan perhubungan diantara satu tempat ka-tempat yang lain sangat² sukar. Jadi, gerakan² tentera² keselamatan kita, pegawai² keselamatan kita terhad apabila mereka mempunyai hanya dua Nuri sahaja yang dapat di-pakai pada satu² masa. Ini sangat² tidak mencukupi sama sa-kali untuk mereka ini menjalankan tugas mereka dalam menjaga keselamatan dalam negeri dan dalam usaha mereka untuk menghapuskan penjahat² kominis itu. Jadi saya berharap Kementerian Pertahanan ini akan mempertimbangkan dengan segera menempatkan lebih banyak lagi Nuri sakurang²-nya empat yang boleh di-gunakan segera pada sa-suatu masa, lebih² baik lagi enam atau pun lapan, memandangkan lebih banyak lagi, lebih aktif lagi gerakan² penjahat² kominis di-negeri itu. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): *(Dengan izin)* Sir, I refer to Head 116, Sub-heads 11, 13, 18, 20, 21 and 22. We are buying more aircraft, paying for more RMAF equipment, USA equipment and other defence hardware. Over the years, the share of defence and security in the Government expenditure has grown by leaps and bounds, but we must never lose sight of the fact that defence is not merely a military problem but also largely a political problem.

Unless we can see the problem of defence in the right political perspective, no amount of military hardware or military personnel is likely to prove a great defence force or capability. Malaysia is a member of the Five-Power Defence Agreement with Britain, Australia, New Zealand and Singapore and I had occasion to ask earlier during this meeting of Parliament a supplementary oral question to the Prime Minister as to the true defence value of the Five-Power Defence Agreement and the Honourable Prime Minister's reply was, and I quote "The value will only be noticed when there is an aggression. I think it is best to ask the communists or whoever wants to invade us. Then only, I think, we will know the value of this defence agreement."

Sir, this is a most unsatisfactory answer. This shows that the Government itself is unaware of the value of the Five-Power Defence Agreement. We must know and be able to give details of the value of any defence agreement that we enter into and not wait until, to use the words of the Honourable Prime Minister, "there is an aggression". By that time, even if we do find out, it may be too late. We should never place the future and destiny of the country on such slender and flimsy calculations. From the Prime Minister's reply, it is clear that he is thinking of a communist aggression. Can the Prime Minister enlighten this House what communist aggression he is thinking of, aggression from North Vietnam?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, di-bawah Kepala mana Ahli itu berchakap, general debate-kah, atau pun debate in Committee.

Tuan Lim Kit Siang: Sir, I am referring to sub-heads which make provision to buy more defence hardware.

Tuan Pengerusi: Will you confine your remarks to the Heads and Sub-heads?

Tuan Lim Kit Siang: Yes. On the grounds, Sir, to purchase more defence hardware, you must know whether it is worthwhile to buy more defence hardware—this is the point I am raising—whether the Prime Minister was referring to aggression from North Vietnam, the People's Republic of China or the Soviet Russia. We are now seeking to establish friendly relations with the People's Republic of China.

Tuan Pengerusi: Now you are going off the mark again. You are speaking of the money that is going to be spent in these Estimates and confine yourself to whether this money should be reduced, or whether it is justifiable or not. That is all.

Tuan Lim Kit Siang: Yes, Sir. I argue on the ground whether it is justifiable or not, on what basis we are predicating our defence expenditures.

Tuan Pengerusi: Don't go off beyond the subject in hand.

Tuan Lim Kit Siang: No. So, I was saying and rounding up that you are predicating our defence structure and strategy on the ground that there is going to be communist aggression from a foreign country, and the relevance and validity of more of these

purchases of RMAF equipment, USA equipment, artillery equipment, etc., whether

Tan Sri Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Pengerusi, kalau Ahli Yang Berhormat itu hendak baca pun, biar-lah dia slow sadikit. Sudah-lah membaca menyalahi peratoran, laju pula. Jadi, ta' tahu ka-mana kita di-bawa-nya.

Tuan Lim Kit Siang: Okay.

Tuan Pengerusi: Ta' apa, masa sudah chukop.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang besok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.